



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI PULAU PINANG**

**SIRI 2**





---

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

---

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 2

**Jabatan Audit Negara  
Malaysia**





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xi	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
3	<b>JABATAN PERHUTANAN NEGERI</b> Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan
17	<b>MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG</b> Pengurusan Perolehan
31	<b>PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG</b> PIHH Development Sdn. Bhd.
53	<b>PENUTUP</b>





---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejahtera mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di satu Jabatan, satu Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

~~Malaysia~~

Putrajaya

6 Mei 2015



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## 1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

### - Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan

1.1. Negeri Pulau Pinang mempunyai keluasan tanah seluas 103,150 hektar dan seluas 7,215.93 hektar atau 7% adalah terdiri dari kawasan berhutan. Daripada keluasan hutan tersebut, seluas 5,100.93 hektar merupakan Hutan Simpan Kekal (HSK). Hutan Lipur adalah salah satu daripada klasifikasi HSK. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (Jabatan) adalah merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus, memelihara dan membangunkan segala khazanah dan sumber hutan secara lestari. Objektif Jabatan adalah memelihara sumber hutan untuk tujuan kestabilan alam sekitar, sumber berkekalan dan bagi tujuan penyelidikan serta pendidikan. Antara fungsi Jabatan adalah menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984 (pindaan 1993) dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1986 bagi membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang meningkatkan kualiti alam sekitar serta aktiviti pelancongan.

1.2. Program Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan adalah program khusus untuk pemeliharaan sumber hutan yang menyumbang ke arah pembangunan sektor pelancongan di negeri Pulau Pinang. Antara komponen program yang dirancang adalah program pembangunan hutan lipur dan Muzium Perhutanan. Sehingga akhir tahun 2014, Jabatan telah membangunkan 3 kawasan hutan lipur yang terletak dalam HSK di bawah program Eko Pelancongan Hutan iaitu Hutan Lipur Teluk Bahang (HLTB), Hutan Lipur Bukit Mertajam (HLBM) dan Taman Negeri Bukit Panchor (TNBP).

1.3. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.57 juta bagi program Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM3.55 juta atau 99.6% telah dibelanjakan.

1.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan adalah memuaskan dari segi prestasi pelaksanaan projek, peningkatan bilangan pengunjung, pengurusan sumber asli rekreasi di mana aspek-aspek penjagaan dan pemeliharaan sifat-sifat asli hutan lipur terpelihara, penyenggaraan hutan lipur dan kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti pondok rehat, tempat letak kereta dan Muzium Perhutanan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan ringkasannya adalah seperti berikut:

- Kemudahan yang disediakan tidak digunakan.
- Kemudahan papan tanda tidak disediakan.

- Penyenggaraan secara berkala tidak dilaksanakan.
- Perkhidmatan Renjer Taman tidak diwujudkan.
- Infrastruktur Desa Flora Dan Fauna yang sedia ada masih terbiar dan tidak digunakan.

**1.5.** Bagi memastikan Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, Jabatan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

**1.5.1.** Infrastruktur dan kemudahan yang dibina dan disediakan perlu disenggarakan dengan baik bagi memastikan pengunjung menggunakanannya.

**1.5.2.** Jabatan perlu menyediakan rancangan penyenggaraan berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua kemudahan infrastruktur dan khidmat pengguna bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengunjung terjamin.

## **2. MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

### **- Pengurusan Perolehan**

**2.1.** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (Majlis) ditubuhkan pada 15 Disember 1976 menurut kuasa yang diberikan oleh Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan pentadbiran Majlis meliputi semua kawasan pulau yang terdiri daripada Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) dengan keluasan 299.65 kilometer persegi dan bilangan penduduk berbilang kaum iaitu seramai 722,300 orang.

**2.2.** Majlis ditadbir oleh satu badan pengurusan yang dianggotai oleh Yang Dipertua selaku ketua eksekutif dan 24 orang Ahli Majlis. Majlis terdiri daripada 11 Jabatan yang diketuai oleh Setiausaha Perbandaran selaku Ketua Pentadbiran dengan dibantu oleh Pengarah Jabatan masing-masing. Unit Tender yang diletakkan di bawah Bahagian Urusetia di Jabatan Korporat telah dipertanggungjawabkan oleh Majlis sebagai urus setia perolehan. Perolehan secara pembelian terus dan undian diuruskan oleh jabatan masing-masing. Tatacara Perolehan Majlis adalah tertakluk kepada Perintah Tetap 1996, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan secara pembelian terus, rundingan terus, undian, sebut harga dan tender. Pada tahun 2012 hingga Oktober 2014, Majlis telah melaksanakan sebanyak 863 perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja melibatkan sejumlah RM247.97 juta dengan menggunakan peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

**2.3.** Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga November 2014 pada keseluruhannya mendapati tahap pengurusan perolehan Majlis adalah memuaskan dari segi

proses pengiklanan, penawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

- Proses perolehan tidak mematuhi peraturan.
- Prestasi projek kurang memuaskan.
- Kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan syarat.
- Projek siap tidak digunakan.

**2.4.** Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam adalah disyorkan Majlis mempertimbangkan perkara berikut:

**2.4.1.** Memastikan perancangan dan proses perolehan dibuat dengan teratur serta mematuhi peraturan dan syarat perolehan Kerajaan.

**2.4.2.** Memastikan perolehan yang dibuat dapat dimanfaatkan oleh pengguna dan mencapai objektif yang disasarkan.

**2.4.3.** Memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi.

### **3. PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

- **PIHH Development Sdn. Bhd.**

**3.1.** PIHH Development Sdn. Bhd. (PIHH) telah ditubuhkan dan beroperasi pada 11 Ogos 2008 dengan modal dibenarkan dan modal berbayar sejumlah RM1.00 juta. PIHH merupakan anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang ditubuhkan untuk mempromosi dan membangunkan industri halal di Pulau Pinang selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang ingin menggalakkan pertumbuhan industri halal yang semakin berkembang dan mempunyai potensi yang luas di pasaran antarabangsa. PIHH dianggotai oleh 8 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusi oleh YB. EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Pengurusan PIHH pula diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu 10 kakitangan. Visi PIHH adalah untuk meletakkan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan untuk menarik pelaburan dalam industri halal, destinasi pilihan bagi pelancongan berasaskan halal dan persekitaran pilihan untuk gaya hidup berasaskan halal. Manakala misi PIHH pula adalah untuk memacu pembangunan dan promosi Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang. Objektif penubuhan PIHH adalah untuk memperkuatkannya ekonomi dan meningkatkan daya kompetitif negeri Pulau Pinang, memperkuatkannya penjenamaan global Pulau Pinang sebagai hab produk dan perkhidmatan halal berkualiti tinggi serta membantu membangunkan industri tempatan di samping menggalakkan penyertaan syarikat halal ke pasaran global. Bagi memastikan objektif penubuhan Syarikat dapat dicapai, PIHH telah menetapkan aktiviti utama Syarikat iaitu:

- Membangunkan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang.
- Menganjurkan Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang.
- Melaksanakan Projek Gelatin Halal dengan penubuhan syarikat PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd..
- Menyertai pameran dan misi perdagangan di dalam dan luar negara bagi mempromosi inisiatif halal dan membantu syarikat halal di Pulau Pinang memperkembangkan kapasiti di peringkat antarabangsa.
- Mempromosi Sijil Pengesahan Halal (SPH) melalui seminar dan program *outreach* bagi menggalakkan serta membantu syarikat mendapatkan sijil halal.

**3.2.** Secara keseluruhannya, pengurusan PIHH dari segi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah di tahap kurang memuaskan dan beberapa kelemahan perlu dipertingkatkan seperti berikut:

- Pembinaan kilang di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) mencatatkan penurunan lebihan pendapatan pada tahun 2014 dan seterusnya mencatat defisit pada tahun 2015. Selain itu, terdapat bayaran tajaan dan sewaan ruang pameran yang lewat diterima dan juga masih belum diterima selepas pameran selesai dijalankan.
- Tindakan susulan setelah menyertai pameran dan misi perdagangan ke luar negara kurang memuaskan.
- Projek Gelatin Halal melalui penubuhan PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd. (PHGP) sejak tahun 2011 masih belum dapat dilaksanakan. Manakala perancangan untuk melepaskan pegangan saham PIHH dalam PHGP tidak dapat dibuat.
- Pembayaran diluluskan oleh Pengerusi Syarikat dan bukannya Pengurus Besar dan/atau Timbalan Pengerusi seperti yang ditetapkan oleh *Standard Operating Procedure* (SOP).
- Pendapatan operasi Syarikat adalah daripada penganjuran PIHEC. Pendapatan ini tidak dapat menampung perbelanjaan menyebabkan Syarikat perlu bergantung kepada geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan PDC.

**3.3.** Bagi memastikan pengurusan PIHH Development Sdn. Bhd. (PIHH) dapat dipertingkatkan adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

**3.3.1.** Mempertingkatkan mekanisme kawalan dalaman dengan menambah baik *Standard Operating Procedure* (SOP) Syarikat berkaitan pengurusan kewangan dan mewujudkan SOP yang lengkap bagi pengurusan aktiviti Syarikat.

**3.3.2.** Memastikan perancangan teliti dibuat daripada aspek perbelanjaan penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) agar dapat menjana pendapatan kepada Syarikat.

**3.3.3.** Memastikan tindakan susulan dibuat setelah menyertai pameran dan misi perdagangan ke luar negara supaya kejayaan misi dapat diukur dan memberi pulangan kepada Syarikat.





---

AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI

---



---

# JABATAN PERHUTANAN NEGERI

---

## 1. PENGURUSAN PEMBANGUNAN SUMBER EKO PELANCONGAN HUTAN

### 1.1. LATAR BELAKANG

**1.1.1.** Negeri Pulau Pinang mempunyai keluasan tanah seluas 103,150 hektar dan seluas 7,215.93 hektar atau 7% adalah terdiri dari kawasan berhutan. Daripada keluasan hutan tersebut, seluas 5,100.93 hektar merupakan Hutan Simpan Kekal (HSK). Hutan Lipur adalah salah satu daripada klasifikasi HSK. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (Jabatan) adalah merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus, memelihara dan membangunkan segala khazanah dan sumber hutan secara lestari. Objektif Jabatan adalah memelihara sumber hutan untuk tujuan kestabilan alam sekitar, sumber berkekalan dan bagi tujuan penyelidikan serta pendidikan. Antara fungsi Jabatan adalah menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984 (pindaan 1993) dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1986 bagi membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang meningkatkan kualiti alam sekitar serta aktiviti pelancongan.

**1.1.2.** Program Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan adalah program khusus untuk pemeliharaan sumber hutan yang menyumbang ke arah pembangunan sektor pelancongan di negeri Pulau Pinang. Antara komponen program yang dirancang adalah program pembangunan hutan lipur dan Muzium Perhutanan. Sehingga akhir tahun 2014, Jabatan telah membangunkan 3 kawasan hutan lipur yang terletak dalam HSK di bawah program Eko Pelancongan Hutan iaitu Hutan Lipur Teluk Bahang (HLTB), Hutan Lipur Bukit Mertajam (HLBM) dan Taman Negeri Bukit Panchor (TNBP). Ketiga-tiga hutan lipur ini telah dibangunkan dengan tema dan konsep yang tersendiri. Butiran tiga buah hutan lipur adalah seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Hutan Lipur Di Negeri Pulau Pinang**

Bil.	Hutan Lipur	Keluasan HSK (hektar)	Keluasan Hutan Lipur (hektar)	Tema/Konsep Hutan Lipur
1.	Hutan Lipur Teluk Bahang	830.20	32	<i>Marvel At Meat-Eating Plant</i> (Periuk Kera)
2.	Hutan Lipur Bukit Mertajam	312.95	37	Cabarhan Mendaki Bukit Ubat
3.	Taman Negeri Bukit Panchor	446.60	445	Pembelajaran Melalui Penjelajahan
<b>Jumlah</b>		<b>1,589.75</b>	<b>514</b>	

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

**1.1.3.** Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.57 juta bagi program Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM3.55 juta atau 99.6% telah dibelanjakan. Butiran peruntukan dan perbelanjaan 3 hutan lipur adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan Negeri Pulau Pinang Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga Tahun 2014**

Bil.	Hutan Lipur	Peruntukan (RM)			Perbelanjaan (RM)		
		2012	2013	2014	2012	2013	2014
1.	Hutan Lipur (HLTB/HLBM)	1,580,000	850,000	570,000	1,578,272	847,991	561,809
2.	Taman Negeri Bukit Panchor	120,000	300,000	15,500	119,832	299,998	15,500
3.	Muzium Perhutanan	100,000	30,000	-	100,000	29,997	-
<b>Jumlah</b>		<b>1,800,000</b>	<b>1,180,000</b>	<b>585,500</b>	<b>1,798,104</b>	<b>1,177,986</b>	<b>577,309</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan khususnya pembangunan hutan lipur telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Renjer Daerah, Hutan Lipur Teluk Bahang (HLTB), Hutan Lipur Bukit Mertajam (HLBM), Taman Negeri Bukit Panchor (TNBP) dan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam meliputi aspek Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan bagi tempoh 2012 hingga 2014. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail-fail, data dan rekod, laporan-laporan, minit mesyuarat dan dokumen yang berkaitan. Analisis terhadap data yang diperoleh juga dibuat bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat terhadap pelaksanaan aktiviti/projek pembangunan dan penyenggaraan. Lawatan ke hutan lipur dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan kepada pengunjung hutan lipur bagi mendapatkan maklum balas berhubung kemudahan yang disediakan. *Exit Conference* bersama Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Pengurus Hutan Taman Negeri telah diadakan pada 7 April 2015.

## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan adalah memuaskan daripada aspek pengurusan sumber asli rekreasi seperti penjagaan dan pemeliharaan sifat-sifat asli hutan lipur dan kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti pondok rehat, tempat letak kereta serta Muzium Perhutanan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan ringkasannya adalah seperti berikut:

- Kemudahan yang disediakan tidak digunakan.
- Kemudahan papan tanda tidak disediakan.

- Penyenggaraan secara berkala tidak dilaksanakan.
- Perkhidmatan Renjer Taman tidak diwujudkan.
- Infrastruktur Desa Flora Dan Fauna yang sedia ada masih terbiar dan tidak digunakan.

#### **1.4.1. Pengurusan Hutan Lipur**

Perancangan yang sistematik dan teratur serta konsisten perlu dirangka untuk menjadikan pengurusan hutan lipur lebih terancang dan efektif. Kaedah pengendalian hutan lipur dijelaskan dalam Manual Perhutanan, antaranya adalah Pengurusan Sumber Asli Rekreasi, Pengurusan Pelawat, Pengurusan Aktiviti Rekreasi, Pengurusan Kemudahan Rekreasi, Pengurusan Pokok Bahaya dan Pengurusan Risiko.

##### **1.4.1.1. Kemudahan Yang Disediakan Tidak Digunakan**

Pelbagai perkhidmatan dan kemudahan disediakan di hutan lipur bagi menarik pelancong. Antaranya adalah seperti kemudahan chalet, kolam mandi, kafeteria/gerai makan, laluan Orang Kelainan Upaya (OKU), tapak perkhemahan, pusat informasi, papan tanda, tandas, surau, dewan terbuka dan tempat letak kereta. Semua kemudahan ini mestilah berfungsi dengan baik untuk kemudahan dan keselesaan pengunjung.

###### **a. Kemudahan Chalet**

- i. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 5 buah chalet di HLBM yang dinaikkan taraf pada tahun 2006 dan 2007 dengan kos berjumlah RM273,550 dan pembinaan 2 buah chalet di TNBP pada tahun 2010 dengan kos RM111,000 kurang mendapat sambutan pengunjung. Kemudahan ini telah disewakan kepada pengusaha swasta dengan kadar sewaan bulanan sejumlah RM600 bagi 5 buah chalet di HLBM dan sejumlah RM240 bagi 2 buah chalet di TNBP. Kesemua chalet ini disewakan mulai bulan Ogos 2011 hingga Februari 2014 seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

**Gambar 1.1**  
**Chalet Di HLBM Sukar Untuk Di Sewa**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam  
Tarikh: 9 Mac 2015

**Gambar 1.2**  
**Chalet Di TNBP Sukar Untuk Disewa**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Negeri Bukit Panchor  
Tarikh: 13 Februari 2015

- ii. Chalet ini kurang mendapat sambutan kerana pengunjung sukar menghubungi pengusaha chalet bagi urusan sewaan. Pemerhatian Audit mendapati pengusaha tidak menempatkan pekerja di HLBM dan TNBP bagi menguruskan tempahan bilik oleh pengunjung. Selain itu, promosi mengenai kemudahan chalet yang tersedia ada di kedua-dua hutan lipur juga tidak dilakukan oleh pengusaha chalet dan Jabatan. Keadaan ini memberi kesan kepada Jabatan untuk menarik lebih ramai pengunjung menginap di HLBM dan TNBP. Reputasi Jabatan terjejas kerana pengunjung menyalahkan Jabatan di atas kesukaran menyewa chalet. Semakan selanjutnya mendapati Jabatan tidak memastikan pengusaha chalet menyedia dan mengemukakan buku pendaftaran penyewa kerana pengusaha juga tidak menyimpan rekod penghuni chalet.
- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015 dan 28 April 2015, Jabatan telah mempromosikan chalet-chalet berkenaan melalui brosur, laman sesawang Jabatan dan Buku ‘Kompendium Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Semenanjung Malaysia’.** Oleh kerana kekangan kakitangan di pejabat renjer, Jabatan telah menswastakan chalet HLBM dan TNBP kepada pengusaha swasta selama 5 tahun (2011 hingga 2016). Bagaimanapun pengusaha hanya melaksanakan promosi dalam *facebook* Syarikat dan memasang papan tanda di dalam HLBM dan TNBP sahaja. Pengusaha juga tidak menyimpan rekod penghuni chalet seperti yang disarankan dalam Perkara V, Fasal 5.1 dalam perjanjian. Oleh itu, Jabatan telah menamatkan kontrak tersebut dan memanggil sebut harga baru. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah membuka sebutharga dan menyewakan chalet Hutan Lipur Bukit Mertajam dan Taman Negeri Bukit Panchor kepada 2 pengusaha yang baru mulai 1 Februari 2015. Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bersama-sama mempromosikan chalet tersebut dalam laman web Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

**b. Laluan Orang Kelainan Upaya (OKU)**

- i. Pemeriksaan Audit mendapati laluan OKU yang dibina dalam tahun 2007 berjumlah RM162,730 tidak dapat digunakan oleh golongan tersebut. Keadaan ini berlaku kerana Jabatan telah membina pengadang di laluan OKU bagi menghalang motosikal melalui laluan tersebut seperti di **Gambar 1.3**. Kesannya kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan oleh golongan OKU yang berkunjung ke HLBM.



**Gambar 1.3  
Pengadang Dibina Di Laluan OKU**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam  
Tarikh: 9 Mac 2015

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, Jabatan mendapati kemudahan tersebut sering disalahgunakan oleh golongan pengunjung yang membawa motosikal dan masuk ke dalam kawasan berhutan. Ia telah membawa risiko kehilangan harta benda dan hasil hutan serta keselamatan kepada pengunjung lain. Bagaimanapun, golongan OKU masih dapat menikmati keindahan HLBM melalui laluan pejalan kaki.**

**c. Tapak Perkhemahan**

- i. Tapak perkhemahan di HLBM yang dibina pada tahun 2011 berjumlah RM29,824 kurang mendapat sambutan daripada pengunjung. Pemeriksaan Audit mendapati hanya 50 orang menjalankan aktiviti perkhemahan di HLBM pada tahun 2012, 1,202 orang pada tahun 2013 dan 280 orang pada tahun 2014.
- ii. Bilangan pengunjung berkurangan pada tahun 2012 adalah disebabkan penularan penyakit kencing tikus iaitu dari bulan Januari hingga September. Pihak Audit difahamkan kekurangan pengunjung pada tahun 2014 adalah disebabkan kemudahan lampu di tapak perkhemahan yang dinaiktarafkan pada tahun 2012 berjumlah RM93,760 telah rosak sejak penghujung tahun 2013 dan masih belum dibaiki sehingga kini seperti di **Gambar 1.4**. Selain itu bekalan air paip, tandas dan tempat mandi yang jauh dari tapak perkhemahan, ketiadaan tempat memasak di tapak perkhemahan serta persekitaran yang semak dan tidak bersih juga menyebabkan pengunjung kurang berminat menjalankan aktiviti

perkhemahan di HLBM. Keadaan tapak perkhemahan adalah seperti di **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.7**.




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam  
Tarikh: 14 Januari 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam  
Tarikh: 14 Januari 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam  
Tarikh: 9 Mac 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam  
Tarikh: 14 Januari 2015

- iii. Kesannya tapak perkhemahan yang disediakan kurang mendapat sambutan dibandingkan dengan aktiviti perkhemahan di HLTB dan TNBP.
- iv. Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, kemudahan seperti tandas dan tempat memasak di tapak perkhemahan tidak disediakan memandangkan sebuah tandas awam dan wakaf masak telah disediakan di luar kawasan perkhemahan. Selain itu tapak perkhemahan di HLBM agak sempit dan penyediaan kemudahan tersebut akan melibatkan penebangan pokok atau kedudukan kemudahan yang terlalu dekat dengan tapak perkhemahan. Jabatan juga telah memasukkan kerja membaiki lampu dalam peruntukan tahun 2015.

#### d. Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam

- i. Projek pembinaan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam yang dibangunkan dengan kos berjumlah RM2 juta pada tahun 2012 adalah bertujuan meningkatkan sosio ekonomi penduduk setempat dengan menyasarkan pengunjung dari dalam dan luar negara yang menginginkan suasana berekreasi dalam hutan paya ini. Pembangunan kawasan ini juga adalah bertujuan untuk menjadikan kawasan ini sebagai hutan pelajaran selain menjadi pusat rekreasi, kawasan berjoging, perkhemahan dan tempat memancing.
- ii. Lawatan Audit pada 14 Januari 2015, 11 Februari 2015 dan 9 Mac 2015 mendapati tiada pengunjung melawat Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam. Semakan Audit juga mendapati gerai-gerai yang dibina tidak mendapat sambutan sejak dibuka pada tahun 2012 dan kini ditutup. Kemudahan dan infrastruktur yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya seperti di **Gambar 1.8** hingga **Gambar 1.11**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam  
Tarikh: 14 Januari 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam  
Tarikh: 14 Januari 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam  
Tarikh: 14 Januari 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam  
Tarikh: 9 Mac 2015

- iii. Keadaan ini berlaku kerana lokasi Hutan Pelajaran ini agak terpencil dan kurang menarik. Promosi yang kurang berkesan oleh Jabatan dan papan tanda arah ke lokasi tersebut yang tidak disediakan juga menyumbang kepada kurangnya pengunjung ke Hutan Pelajaran ini.
- iv. Dari segi sosio ekonomi, kekurangan pengunjung menyebabkan gerai-gerai yang disediakan tidak dapat beroperasi dan tidak dapat menjana pendapatan di kalangan pengusaha. Berdasarkan kadar sewaan RM600 sebulan, adalah dianggarkan Jabatan kehilangan hasil sewa gerai di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam sebanyak RM16,200 bagi tempoh bulan Januari 2013 hingga bulan Mac 2015. Infrastruktur yang disediakan di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam dan matlamat Jabatan untuk meningkatkan sumber pendapatan penduduk setempat tidak tercapai.
- v. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam kurang mendapat sambutan kerana fungsi hutan pelajaran adalah berbeza dengan hutan lipur. Hutan pelajaran merupakan kawasan hutan untuk tujuan penyelidikan. Hutan pelajaran ini terletak di sebelah jalan baru yang menyeberang Sungai Jarak dan menyambung daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah. Kegunaan jalan tersebut tidak kerap seperti jalan utama yang lain. Keadaan yang sunyi dan kawasan berhutan di Hutan Pelajaran merupakan faktor penting kepada habitat burung dan juga tempat singkah burung hijrah. Mengikut rekod Jabatan, pengguna jambatan gantung HPAHD pada hujung minggu iaitu pada 14 Mac 2015 adalah seramai 29 orang, 15 Mac 2015 adalah seramai 123 orang dan 21 Mac 2015 adalah seramai 32 orang.**

Pada pendapat Audit, pengurusan hutan lipur dan hutan pelajaran adalah kurang memuaskan. Kemudahan yang disediakan seperti chalet dan laluan OKU tidak dapat digunakan oleh pengunjung manakala tapak perkhemahan di HLBM dan kemudahan di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam kurang mendapat sambutan daripada pengunjung.

#### 1.4.1.2. Kemudahan Papan Tanda Tidak Disediakan

- a. Berdasarkan Manual Perhutanan, Pengurusan Pelawat melibatkan penyediaan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan rekreasi untuk semua pelawat. Di antara perkhidmatan dan kemudahan ini termasuklah menyediakan papan tanda. Lawatan Audit ke HLBM mendapati papan tanda tunjuk arah dan tanda pengenalan nama pokok tidak disediakan. Keadaan ini disebabkan papan tanda yang dibina pada RMKe-9 telah rosak. Kesan daripada ketiadaan papan tanda penunjuk arah akan menyukarkan pengunjung untuk mengetahui arah sesuatu kawasan khususnya semasa menjalankan aktiviti merentas denai atau mengenali nama pokok.

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, papan tanda pengenalan nama pokok dan papan tanda tunjuk arah telah dipasang pada tahun 2011 namun telah rosak akibat gangguan hidupan liar (kera). Papan tanda tunjuk arah dan tanda pengenalan nama pokok baru telah dimasukkan dalam perancangan tahun 2015. Pada masa kini papan tanda pengenalan pokok baru telah siap dipasang untuk Fasa 1 dan Jabatan dalam proses menyediakan bantuan spesies pokok dan bilangan papan tanda yang diperlukan.

#### 1.4.2. Penyenggaraan Hutan Lipur

Penyenggaraan semua kemudahan untuk infrastruktur dalam hutan lipur seperti penyenggaraan pokok tumbang, tandas, landskap dan lain-lain perlu dirancang dengan teliti. Penyenggaraan perlu dibuat secara berkala iaitu harian, mingguan, bulanan, tahunan atau mengikut keperluan penyenggaraan.

##### 1.4.2.1. Pokok Tumbang

- a. Pejabat perlu menjalankan rondaan dari semasa ke semasa bagi mengesan, mengenal pasti dan membuang pokok tumbang yang menghalang laluan denai hutan. Ia bagi memastikan keselamatan pengunjung terjamin semasa menjalankan aktiviti merentas hutan dan mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa batang pokok telah tumbang dan menghalang laluan denai hutan di 8 lokasi di HLTB dan 2 lokasi di HLB. Semakan terhadap laporan pokok tumbang pula mendapati kejadian pokok tumbang di HLTB berlaku sejak bulan September 2014 dan di HLB sejak bulan Jun 2014 seperti di Gambar 1.12 hingga Gambar 1.15.

Gambar 1.12  
Pokok Tumbang Yang Belum Dibuang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 4 Mac 2015

Gambar 1.13



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 4 Mac 2015

Gambar 1.14

Pokok Tumbang Yang Belum Dibuang



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam

Tarikh: 14 Januari 2015

Gambar 1.15



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hutan Lipur Bukit Mertajam

Tarikh: 16 Februari 2015

- b. Keadaan ini berlaku kerana Jabatan belum memanggil sebut harga untuk membersihkan dan membuang pokok tumbang tersebut. Kelewatan membersihkan dan membuang pokok tumbang boleh membahayakan dan menyukarkan pengunjung semasa menjalani aktiviti merentas denai hutan.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, pokok-pokok besar yang tumbang akan dibersihkan semasa penebangan pokok bahaya. Selain itu, bukan semua pokok tumbang di denai hutan akan dibersihkan sebaliknya ia merupakan salah satu tarikan kepada golongan pendaki yang lasak.**

#### 1.4.2.2. Tandas

- a. Kemudahan tandas awam di HLBM telah dibina pada tahun 2007 dengan kos berjumlah RM175,380. Pemeriksaan Audit mendapati saluran air bawah tanah tandas lelaki mengalami kebocoran mengakibatkan air bertakung di dalam tandas tersebut. Akibatnya pengunjung menghadapi masalah untuk menggunakan tandas yang belum disenggarakan.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan pada penghujung tahun 2014 namun masih berlaku kerosakan perpaipan bawah tanah pada bahagian yang berlainan dalam ruang tandas tersebut. Oleh demikian, pihak Jabatan mencadangkan kerja-kerja menaik taraf semula sistem perpaipan sedia ada dilaksanakan di luar struktur konkrit bagi memudahkan kerja-kerja penyenggaraan. Jabatan akan memohon kelulusan khas daripada Jabatan Kewangan Negeri dengan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan untuk membaik pulih kerosakan ini.**

#### 1.4.2.3. Lantai Kolam Mandi

- a. Pemeriksaan Audit di HLTB mendapati sebanyak 4 buah kolam mandi mengalami kerosakan/keretakan lantai kolam. Dua daripada 4 kolam tersebut adalah seperti di **Gambar 1.16** dan **Gambar 1.17**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 17 Februari 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 17 Februari 2015

- b. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya pemantauan oleh Jabatan terhadap kerosakan yang perlu disenggarakan secara berkala. Kesan daripada kerosakan kolam mandi, Jabatan terpaksa menutup kolam tersebut untuk kegunaan pengunjung. Keadaan ini juga menyebabkan jumlah pengunjung yang ingin melakukan aktiviti rekreasi seperti berkelah dan mandi kolam akan berkurang. Di samping itu, keadaan kolam yang rosak/pecah boleh membahayakan pengunjung.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, sebut harga bagi kerja-kerja menyenggara dan membaik pulih keseluruhan kolam mandi dan lain-lain kerja yang berkaitan di kawasan HLTB telah pun dibuat pada 2 Mac 2015 dan kontraktor yang berjaya telah dilantik pada 20 Mac 2015. Manakala surat tawaran telah dikeluarkan pada 27 Mac 2015 dan tarikh inden kerja telah dikeluarkan pada 3 April 2015.**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan pokok tumbang, tandas dan lantai kolam mandi adalah kurang memuaskan. Jabatan perlu mengambil tindakan segera untuk membersih dan membuang pokok tumbang yang menghalang laluan denai hutan serta membaiki kerosakan tandas dan lantai kolam mandi.

#### 1.4.3. Perkhidmatan Pengguna

- 1.4.3.1.** Berdasarkan Manual Perhutanan, perkhidmatan Renjer Taman hendaklah diwujudkan/dilantik khusus bagi tujuan penerangan serta bertindak sebagai penyelaras dalam semua aktiviti rekreasi yang disediakan seperti mendaki gunung, jelajah gua,

merentas denai hutan dan *orienteering*. Mereka ini perlu mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut serta memiliki pengetahuan asas pertolongan cemas.

**1.4.3.2.** Pemeriksaan Audit mendapati tugas-tugas Renjer Taman dijalankan oleh Renjer Hutan, Pengawas Hutan dan Pegawai Awam Khas. Bagi TNBP, jika kakitangan Jabatan tidak dapat mengiringi kumpulan yang ingin memasuki denai hutan maka tugas ini diberi kepada penduduk setempat.

**1.4.3.3.** Jabatan memaklumkan bahawa permohonan jawatan Renjer Taman telah dimaklumkan kepada pihak Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan pada 13 Januari 2015 untuk dimajukan kepada pihak JPA. Perkara ini telah pun dibangkitkan dalam LKAN 2009.

**1.4.3.4.** **Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, jawatan Renjer Taman tidak terdapat dalam waran perjawatan Jabatan. Bagaimanapun seorang Renjer Hutan daripada Jabatan yang mempunyai Sijil Park Renjer daripada JPSM akan dilantik sebagai Renjer Hutan dibawah Unit Hutan Lipur/Hutan Taman Negeri untuk memantau keseluruhan hutan lipur dan taman negeri di Pulau Pinang.**

**Pada pendapat Audit, Renjer Taman perlu diwujudkan bagi memastikan keselamatan pengunjung yang melakukan aktiviti merentas denai hutan terjamin.**

#### **1.4.4. Infrastruktur Desa Flora Dan Fauna Yang Sedia Ada Masih Terbiar Dan Tidak Digunakan**

**1.4.4.1.** Pada tahun 2007, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM1.46 juta bagi projek Desa Flora Dan Fauna (DFF) untuk membina infrastruktur seperti bangunan pameran reptilia, bangunan pameran serangga, kandang kura-kura gergasi, kandang harimau dan kolam ikan arapaima. Infrastruktur yang dibina oleh Jabatan di kawasan seluas 6 ekar dalam kawasan Hutan Lipur Teluk Bahang ini dibangunkan untuk projek penswastaan bagi tujuan menjana industri pelancongan negeri dan hasil Kerajaan Negeri.

**1.4.4.2.** Pemeriksaan Audit mendapati hanya kandang kura-kura gergasi digunakan dan dijadikan tempat permainan kanak-kanak pada tahun 2011. Lawatan Audit pada 16 Februari 2015 mendapati bangunan pameran reptilia, bangunan pameran serangga dan kandang harimau masih terbiar dan tidak digunakan. Manakala kolam ikan arapaima terbiar dan tidak diselenggarakan dengan baik. Keadaan infrastruktur adalah seperti di **Gambar 1.18** hingga **Gambar 1.21**. Perkara ini telah pun dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) Pulau Pinang pada 30 Ogos 2012.

**Gambar 1.18**  
**Bangunan Pameran Reptilia**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 17 Februari 2015

**Gambar 1.19**  
**Bangunan Pameran Serangga**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 17 Februari 2015

**Gambar 1.20**  
**Kandang Harimau**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 17 Februari 2015

**Gambar 1.21**  
**Kolam Ikan Arapaima**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Lipur Teluk Bahang  
Tarikh: 17 Februari 2015

**1.4.4.3.** Keadaan ini berlaku disebabkan Jabatan mengambil masa yang lama untuk memanggil pengusaha swasta bagi menyediakan kertas kerja *Request For Proposal* (RFP) untuk projek Desa Flora Dan Fauna. Tender terbuka dipanggil pada 4 Disember 2014 dan ditutup pada 27 Januari 2015.

**1.4.4.4.** Kelewatan memajukan kemudahan dan infrastruktur DFF di Hutan Lipur Teluk Bahang menyebabkan kemudahan yang sedia ada terbiar dan rosak. Di samping itu, matlamat untuk menarik lebih ramai pelancong tidak tercapai.

**1.4.4.5.** Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 April 2015, sehingga 27 Januari 2015 Jabatan hanya menerima satu permohonan sebut harga. Bagaimanapun Jabatan akan memohon ulasan Jawatankuasa Penilaian RFP DFF di HLTB bagi memutuskan sama ada akan mengeluarkan iklan semula atau meneruskan dengan proposal yang telah diterima.

**Pada pendapat Audit, pengurusan DFF adalah tidak memuaskan. Kelemahan dari aspek perancangan dan kelewatan projek penswastaan menyebabkan infrastruktur projek yang telah siap dibina sejak 8 tahun dahulu masih terbiar dan tidak boleh digunakan.**

### **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan Pengurusan Pembangunan Sumber Eko Pelancongan Hutan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, Jabatan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

**1.5.1.** Infrastruktur dan kemudahan yang dibina dan disediakan perlu disenggarakan dengan baik bagi memastikan pengunjung menggunakanannya.

**1.5.2.** Jabatan perlu menyediakan rancangan penyenggaraan berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua kemudahan infrastruktur dan khidmat pengguna bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengunjung terjamin.

---

## **MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

---

### **2. PENGURUSAN PEROLEHAN**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (Majlis) ditubuhkan pada 15 Disember 1976 menurut kuasa yang diberikan oleh Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan pentadbiran Majlis meliputi semua kawasan pulau yang terdiri daripada Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) dengan keluasan 299.65 kilometer persegi dan bilangan penduduk berbilang kaum iaitu seramai 722,300 orang.

**2.1.2.** Majlis ditadbir oleh satu badan pengurusan yang dianggotai oleh Yang Dipertua selaku Ketua Eksekutif dan 24 orang Ahli Majlis. Majlis terdiri daripada 11 Jabatan yang diketuai oleh Setiausaha Perbandaran selaku Ketua Pentadbiran dengan dibantu oleh Pengarah Jabatan masing-masing. Unit Tender yang diletakkan di bawah Bahagian Urusetia di Jabatan Korporat telah dipertanggungjawabkan oleh Majlis sebagai urus setia perolehan. Perolehan secara pembelian terus dan undian diuruskan oleh jabatan masing-masing.

**2.1.3.** Tatacara Perolehan Majlis adalah tertakluk kepada Perintah Tetap 1996, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan secara pembelian terus, rundingan terus, undian, sebut harga dan tender. Pada tahun 2012 hingga Oktober 2014, Majlis telah melaksanakan sebanyak 863 perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja melibatkan sejumlah RM247.97 juta dengan menggunakan peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Bilangan Perolehan Bagi Tempoh 2012 Hingga Bulan Oktober 2014**

Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan/Pembentangan						Jumlah Bilangan	Jumlah (RM)		
	Majlis		Negeri		Persekutuan					
	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)				
Pembelian Terus	159	1,983,790	-	-	9	211,725	168	2,195,515		
Rundingan Terus	20	8,586,770	-	-	-	-	20	8,586,770		
Cabutan Undi	165	19,298,383	-	-	-	-	165	19,298,383		
Sebut Harga	300	29,288,589	3	365,009	25	4,011,917	328	33,665,515		
Tender	175	179,035,643	7	5,187,990	-	-	182	184,223,633		
<b>Jumlah</b>	<b>819</b>	<b>238,193,175</b>	<b>10</b>	<b>5,552,999</b>	<b>34</b>	<b>4,223,642</b>	<b>863</b>	<b>247,969,816</b>		

Sumber: Majlis Perbandaran Pulau Pinang

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan perolehan di Majlis telah dirancang dan diuruskan dengan cekap, ekonomi dan mematuhi peraturan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi tahun 2012 hingga 2014 di Majlis Perbandaran Pulau Pinang merangkumi pengurusan perolehan di bawah peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak 219 rekod dan dokumen berkaitan serta membuat analisis terhadap data. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dijalankan bagi mendapatkan maklum balas terhadap aktiviti perolehan yang dilaksanakan. *Exit Conference* bersama Setiausaha Perbandaran serta pegawai-pegawai Majlis telah diadakan pada 6 Februari 2015.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga November 2014 pada keseluruhannya mendapati tahap pengurusan perolehan Majlis adalah memuaskan daripada segi proses pengiklanan, penawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

- Proses perolehan tidak mematuhi peraturan.
- Prestasi projek kurang memuaskan.
- Kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan syarat.
- Projek siap tidak digunakan.

### **2.4.1. Proses Perolehan Tidak Mematuhi Peraturan**

#### **2.4.1.1. Pemilihan Kontraktor**

- a. Semakan Audit mendapati kontraktor yang mempunyai prestasi kurang memuaskan masih dilantik bagi melaksanakan projek Majlis walaupun terdapat kelewatan dalam menyiapkan projek-projek terdahulu. Kontraktor ini telah lewat menyiapkan 2 projek Majlis yang berjumlah RM248,200 dalam tempoh antara 71 hingga 88 hari sebelum dipilih untuk melaksanakan projek terbaru berjumlah RM147,700. Projek terbaru juga lewat disiapkan selama 73 hari seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Kontraktor Lewat Menyiapkan Projek Masih Dilantik**

Bil.	Nama Kontraktor	Projek	Tarikh Patut Siap	EOT/LAD	Tarikh Siap Sepenuhnya	Lewat (Hari)	Jumlah Kontrak (RM)
1.	Maznoora Enterprise	Memasang lid konkrit dan bukaan pembersihan untuk parit monsun di Tingkat Sungai Ara DBD	01.07.2013	EOT sehingga 10.09.2013	10.09.2013	71	73,000
2.		Menaik taraf tandas awam Teluk Bahang	31.03.2014	LAD RM150/hari mulai 31.03.2014	12.06.2014	73	147,700
3.		Ubah suai sebahagian tempat letak kereta kepada surau lelaki dan perempuan di Lebuh Duke	12.07.2013	LAD RM75/hari mulai 12.07.2013	08.10.2013	88	175,200
<b>Jumlah</b>							<b>395,900</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- b. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 10 Februari 2015, kelewatan projek ini adalah kerana pengeluar *half slab* (HUME) lewat membekalkan bahan tersebut disebabkan stok bahan tersebut tidak mencukupi dan projek telah lewat disiapkan selama 71 hari. Di samping itu, Majlis juga memaklumkan bahawa pemilihan kontraktor adalah berdasarkan harga terendah dan menguntungkan Majlis serta mematuhi semua penilaian teknikal dan prestasi kontraktor diambil kira berdasarkan pengalaman kerja terdahulu yang memuaskan. Majlis juga memaklumkan perancangan yang lebih teliti akan dilaksanakan dan tindakan telah diambil di mana sebarang *EOT* yang kedua dan selanjutnya akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga atau Lembaga Perolehan sebelum kelulusan diberikan untuk mengelak projek mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Bagaimanapun Majlis telah mengeluarkan satu pekeliling pada 19 November 2014.**

#### **2.4.1.2. Perjanjian Kontrak Tidak Disediakan Dan Belum Dikembalikan Oleh Kontraktor**

Akta Kontrak 1949 menghendaki kontrak dibuat secara bertulis antara kedua-dua pihak yang terlibat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 8 perjanjian kontrak berjumlah RM336,645 tidak disediakan perjanjian kontrak seperti di **Jadual 2.3**. Manakala 2 perjanjian kontrak berjumlah RM424,120 belum dikembalikan oleh kontraktor seperti di **Jadual 2.4**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Jabatan mengguna pakai Surat Setuju Terima sebagai rujukan. Perkara ini boleh menyebabkan kepentingan Majlis tidak dapat dilindungi dari segi undang-undang serta syarat-syarat kontrak tidak dapat dikuatkuasakan sekiranya berlaku sebarang perlanggaran syarat-syarat kontrak.

**Jadual 2.3**  
**Perjanjian Kontrak Tidak Disediakan**

Bil.	Jenis Kontrak	Nama Syarikat	Tarikh Surat Setuju Terima	Tempoh Kontrak		Amaun Kontrak (RM)
				Mula	Tamat	
1.	Pembersihan bahu jalan	Gemilang Persona Enterprise	01.08.2014	01.08.2014	31.10.2014	42,500
2.	Pembersihan bahu jalan	Perkhidmatan SMI	01.08.2014	01.08.2014	31.10.2014	41,747
3.	Pembersihan bahu jalan	Pengkalan Subur (M) Sdn. Bhd.	01.08.2014	01.08.2014	31.10.2014	43,586
4.	Pembersihan bahu jalan	Paper Plane Sdn. Bhd.	01.08.2014	01.08.2014	31.10.2014	43,950
5.	Pembersihan bahu jalan	Perkhidmatan Alam Indah	01.08.2014	01.08.2014	31.10.2014	43,865
6.	Pembersihan bahu jalan	Amir Firdaus Enterprise	01.08.2014	01.08.2014	31.10.2014	40,301
7.	Pembersihan bahu jalan	Mahasir Enterprise	01.08.2014	01.08.2014	31.10.2014	42,724
8.	Alat tulis	Asia Educational Supplies Sdn. Bhd.	09.04.2012	Tahun 2012		37,972
<b>Jumlah</b>						<b>336,645</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Pulau Pinang

**Jadual 2.4**  
**Perjanjian Kontrak Belum Dikembalikan Oleh Kontraktor**

Bil.	Jenis Kontrak	Nama Syarikat	Tarikh Surat Setuju Terima	Tarikh Surat Peringatan	Tarikh Tandatangan Perjanjian	Amaun Kontrak (RM)
1.	Kawalan keselamatan (Tempoh 2 tahun)	Paradise Security Services Sdn. Bhd.	21.01.2014	21.08.2014	-	285,120
2.	Membaiki parit	Perkhidmatan SMI	24.02.2014	01.07.2014 15.08.2014	-	139,000
<b>Jumlah</b>						<b>424,120</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Pulau Pinang

#### 2.4.1.3. Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5/2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 15 kontrak berjumlah RM12.37 juta lewat ditandatangani antara 36 dan 387 hari seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Perjanjian Kontrak Lewat Ditandatangani**

Bil.	Jenis Kontrak	Nama Syarikat	Tarikh Surat Setuju Terima	Tarikh Tandatangan Perjanjian	Kelewatan (Hari)	Amaun Kontrak (RM)
1.	Pembersihan	MAP & Ammar Enterprise	23.01.2013	13.06.2014	387	280,347
2.	Kerja-kerja kecil menyelenggara harta/bangunan Majlis	Achmad Azad Enterprise	04.01.2011	14.10.2011	165	147,396
3.	Pembersihan	Perkhidmatan SMI	23.01.2013	27.08.2013	97	276,944
4.	Pembersihan	Pembinaan Ceria	23.01.2013	26.08.2013	96	261,744
5.	Pembersihan	Zanzhir Enterprise	23.01.2013	20.08.2013	90	361,442
6.	Kawalan keselamatan (Tempoh 2 tahun)	Sasa Security Services Sdn. Bhd.	21.01.2014	13.08.2014	85	380,160
7.	Kawalan keselamatan (Tempoh 2 tahun)	Kawalan Keselamatan Sentral (M) Sdn. Bhd.	21.01.2014	11.08.2014	83	364,320
8.	Kawalan keselamatan (Tempoh 2 tahun)	Mutiara Security Services Sdn. Bhd.	21.01.2014	11.08.2014	83	332,640
9.	Naik taraf jalan	Esteem Agency	11.12.2012	26.06.2013	77	4,300,000
10.	Kawalan keselamatan (Tempoh 2 tahun)	RL Kawalan Pro Sdn. Bhd.	21.01.2014	05.08.2014	77	273,240
11.	Kemudahan OKU di pasar	Naz Infra Engineering	15.08.2013	24.02.2014	72	465,891
12.	Kawalan keselamatan (Tempoh 2 tahun)	Lamborda Security System (M) Sdn. Bhd.	21.01.2014	23.07.2014	64	285,120
13.	Kerja-kerja menyelenggara bekalan elektrik	Zainaz Sdn. Bhd.	16.01.2012	02.07.2012	48	199,694
14.	Naik taraf pasar & kompleks makan	Arza Aktif Enterprise	19.02.2014	24.07.2014	36	1,818,242
15.	Kompleks makanan	Arza Aktif Enterprise	28.02.2014	19.08.2014	53	2,620,110
<b>Jumlah</b>						<b>12,367,290</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- b. Perjanjian kontrak lewat ditandatangani disebabkan pindaan di dalam dokumen kontrak, Jabatan lewat mengemukakan dokumen kepada Unit Undang-undang dan kontraktor lewat memulangkan dokumen kontrak.

**2.4.1.4. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 10 Februari 2015, perjanjian kontrak lewat dikembalikan disebabkan kelewatan kontraktor mengemukakan polisi insurans ‘Contractor’s All Risks’ dan ‘Workmens Compensation’, sijil pendaftaran SSM dan Jaminan Bank/Draf Bank. Majlis juga telah mengeluarkan surat-surat peringatan kepada kontraktor untuk melengkapkan perjanjian-perjanjian berkenaan. Di samping itu, Majlis akan menyerah hitamkan kontraktor yang lewat**

**mengemukakan dokumen kontrak tanpa sebab, manakala Surat Setuju Terima adalah sebahagian daripada syarat kontrak dan diguna pakai sebagai rujukan sementara perjanjian kontrak disiapkan.**

**Pada pendapat Audit, proses perolehan adalah kurang memuaskan kerana peraturan yang berkuat kuasa tidak dipatuhi sepenuhnya.**

#### **2.4.2. Prestasi Projek Kurang Memuaskan**

Pelaksanaan projek oleh Majlis perlulah disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengikut syarat-syarat lain yang terkandung dalam dokumen kontrak serta peraturan berkaitan. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 16 Mei 2007 dan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 3/2008, ada menyatakan sebab tertentu yang boleh diberikan pelanjutan masa bagi projek yang lewat disiapkan. Lanjutan masa perlulah dielakkan dan Sijil Tidak Siap Kerja hendaklah dikeluarkan jika projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

##### **2.4.2.1. Projek Lewat Disiapkan**

- a. Semakan Audit terhadap 30 daripada 120 projek Majlis bagi tempoh 2012 hingga 2014 yang disiapkan dengan lanjutan masa mendapati sebanyak 4 projek lewat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan antara 36 dan 125 hari seperti di **Jadual 2.6**. Antara sebab kelewatan yang dikenal pasti merupakan masalah di tapak pembinaan, perubahan pelan atau susun atur dan anggaran tempoh siap kontraktor yang dipilih adalah tidak munasabah.

**Jadual 2.6  
Projek Lewat Disiapkan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Butiran Projek	Kos Projek (RM)	Tarikh Patut Siap	Tarikh Patut Siap Selepas Diluluskan Lanjutan Masa	Tarikh Kerja Siap	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	Menaik taraf Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya – Pakej 5A: Melebarkan Jalan Masjid Negeri dan Jalan Scotland pada bahagian persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Ayer Itam/Jalan Scotland	4,300,000	20.06.2013	17.11.2013	23.12.2013	36
2.	Menaik taraf tandas awam Teluk Bahang	147,700	31.03.2014	-	12.06.2014	73
3.	Cadangan ubahsuai sebahagian tempat letak kereta kepada surau lelaki dan perempuan di Lebuh Duke	175,200	12.07.2013	-	08.10.2013	88
4.	Cadangan pengubahsuai dan menaik taraf kompleks makan Taman Desa Genting, Balik Pulau, Pulau Pinang.	679,000	01.11.2013	27.11.2013	01.04.2014	125

Sumber: Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- b. Semakan Audit terhadap fail projek membina dan membaiki parit di Jalan Burma dari Lengkok Burma hingga Jalan Pangkor dengan kos berjumlah RM443,255 mendapati projek tersebut gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Projek telah dimulakan pada 21 Oktober 2013 dan dijangka siap pada 3 Januari 2014 yang mengambil masa selama 75 hari. Bagaimanapun kontraktor gagal menyiapkan dalam tempoh tersebut dan telah diberi kelulusan Perakuan dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 7 kali sehingga 11 Jun 2014 iaitu lanjutan masa selama 159 hari. Projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan Perakuan Tidak Siap Kerja telah dikeluarkan pada 26 Ogos 2014. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) telah dikenakan berjumlah RM10,700 iaitu RM100 sehari ke atas 107 hari lewat.
  
- c. Projek menaik taraf Jalan Masjid Negeri dengan kos berjumlah RM7.30 juta mengambil masa 18 bulan dan dijangka siap pada 23 September 2013. Sebanyak 2 lanjutan masa telah diluluskan selama 385 hari sehingga 13 Oktober 2014. Bagaimanapun lawatan Audit pada 9 Oktober 2014 mendapati kerja-kerja pembinaan masih dijalankan seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Permohonan lanjutan masa ketiga dimohon pada 19 September 2014 tetapi belum diberi kelulusan oleh Majlis. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut adalah disebabkan oleh kerja-kerja pengubahan utiliti oleh pihak *Indah Water Konsortium* serta pengalihan pokok-pokok yang mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Tempoh masa yang terlalu lama untuk menyiapkan projek ini telah menjelaskan keselesaan pengguna jalan raya dan penduduk tempatan di sekitar kawasan jalan tersebut.

**Gambar 2.1**

Kerja-Kerja Pembinaan Jalan Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Masjid Negeri  
Tarikh: 9 Oktober 2014

**Gambar 2.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Masjid Negeri  
Tarikh: 9 Oktober 2014

- d. Projek membaik pulih dan pemuliharaan Bangunan Dewan Bandar Raya (*City Hall*) dengan kos berjumlah RM6.67 juta mengambil masa 18 bulan dan dijangka siap pada 31 Ogos 2014. Semakan Audit mendapati sehingga 21 Ogos 2014 projek ini telah lewat 26% daripada jadual yang ditetapkan. Kerja pemasangan bumbung seharusnya disiapkan pada 18 Jun 2014 tetapi sehingga lawatan Audit pada 9 Oktober 2014 kerja yang dilaksanakan masih belum disiapkan seperti di **Gambar 2.3**.

Lawatan Audit juga mendapati kerja mengecat bangunan yang sepatutnya siap pada 22 Julai 2014 juga belum disiapkan seperti di **Gambar 2.4**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut disebabkan perubahan struktur bumbung dan terdapat banyak arahan perubahan kerja yang dibuat. Bagaimanapun sehingga lawatan Audit pada 9 Oktober 2014, permohonan lanjutan masa pertama yang dimohon pada 2 Jun 2014 belum diluluskan oleh Majlis.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dewan Bandaraya (City Hall)  
Tarikh: 9 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dewan Bandaraya (City Hall)  
Tarikh: 9 Oktober 2014

- e. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 10 Februari 2015, Majlis memaklumkan bahawa kelewatan projek menaik taraf Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya - Pakej 5A adalah disebabkan oleh kerja pengalihan utiliti, perubahan reka bentuk dan proses ubah tanam pokok. Majlis telah mengenakan LAD sebanyak 104 hari ke atas kelewatan kontraktor memulakan kerja. Manakala bagi kerja menaik taraf tandas awam Teluk Bahang, Majlis telah caj LAD sebanyak RM105/hari atas kelewatan kontraktor memulakan kerja. Majlis juga telah caj LAD kepada kontraktor sebanyak RM75/hari atas kelewatan memulakan kerja dan perubahan kerja bagi projek ubahsuai sebahagian tempat letak kereta kepada surau lelaki dan perempuan di Lebuh Duke. Manakala bagi projek menaik taraf kompleks makan Taman Desa Genting, Balik Pulau, LAD yang dikenakan adalah sebanyak RM200/hari atas kelewatan kontraktor memulakan kerja dan perubahan kerja. Di samping itu Majlis juga memaklumkan bahawa kelewatan juga disebabkan terdapat halangan dan pengalihan paip/utiliti, bantahan orang awam serta kelewatan pertukaran reka bentuk kekotak pembetung ke parit konkrit bertetulang. Manakala bagi projek City Hall, kelewatan disebabkan perubahan struktur bumbung dan arahan perubahan kerja dan kelulusan EOT diberikan oleh Majlis sehingga 31 Disember 2014.

Pada pendapat Audit, Majlis perlu membuat perancangan yang teliti dan meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

### **2.4.3. Kerja Tidak Dilaksanakan Mengikut Spesifikasi, Kualiti Dan Syarat**

Mengikut kontrak, kerja-kerja hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan syarat yang ditetapkan. Lawatan Audit terhadap kerja-kerja penyenggaraan taman permainan dan projek penyediaan kemudahan untuk orang kurang upaya bagi Pasar Batu Lanchang, Pulau Pinang iaitu kerja-kerja penyediaan kemudahan laluan pejalan kaki dan kerja-kerja menaik taraf tandas awam adalah kurang memuaskan seperti berikut:

#### **2.4.3.1. Kerja Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi**

- a. Mengikut Perjanjian dan *Bill Of Quantity (BQ)*, kontraktor yang dilantik perlu menyenggara 32 buah taman permainan dengan kos berjumlah RM250,118 dan tempoh kontrak adalah bermula dari 18 Jun 2014 sehingga 17 September 2014. Bagaimanapun mengikut Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan Bil. 8/2014 bertarikh 25 Ogos 2014 projek tersebut telah disiapkan 100% pada 15 Ogos 2014 iaitu 33 hari lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan dalam kontrak.
- b. Lawatan Audit pada 9 dan 16 Oktober 2014 ke 16 buah taman permainan kanak-kanak mendapati 3 buah taman permainan tidak dipasang peralatan permainan mengikut spesifikasi *BQ* yang berjumlah RM25,900 seperti di **Jadual 2.7** dan **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.7**.
- c. Bagaimanapun lawatan susulan Audit pada 29 Januari 2015 mendapati getah penampang jongkang-jongkit telah dipasang seperti di **Gambar 2.8**. Manakala penggantian *swing seat* dan penggantian *swing chain* berserta *shackle & hook* di Taman Permainan Lintang Permai 3 belum diganti. Bagaimanapun pembayaran kepada kontraktor telah dibuat pada 12 November 2014.

**Jadual 2.7**  
**Pemasangan Peralatan Permainan Tidak Mengikut Bill Of Quantity (BQ)**

Bil.	Keperluan Bill Of Quantity			Lawatan Audit Pada 9 Oktober 2014
	Lokasi	Jenis Pembaikan	Kos (RM)	
1.	Taman Permainan Changkat Minden Jalan 1	Pemasangan alat permainan Integrasi Baru. Membekal dan memasang lantai getah di kawasan pendaratan. Ketebalan:25mm warna:merah/hijau	9,500	Tidak dilaksanakan mengikut <i>BQ</i>
2.	Taman Permainan Lorong Mahsuri 9, Bayan Baru	Pemasangan alat permainan Integrasi Baru. Membekal dan memasang lantai getah di kawasan pendaratan. Ketebalan:25mm warna:merah/hijau	9,500	Tidak dilaksanakan
		Pemasangan <i>Heavy Duty Seesaw With 2 Seaters</i> Berserta Tapak Konkrit	2,400	Tidak dilaksanakan
		Pemasangan <i>Heavy Duty Swing With 4 Seaters</i> Berserta Tapak Konkrit	2,500	Tidak dilaksanakan
3.	Taman Permainan Lintang Permai 3, Gelugor	Penggantian <i>Swing Seat</i> dan penggantian <i>Swing Chain</i> berserta <i>Shakle &amp; Hook</i>	2,000	Tidak dilaksanakan
<b>Jumlah</b>			<b>25,900</b>	

Sumber: Majlis Perbandaran Pulau Pinang

**Gambar 2.5**  
**Lantai Getah Kawasan Pendaratan Monkey Bar**  
**Tidak Mengikut Spesifikasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Changkat Minden Jalan 1  
Tarikh: 9 Oktober 2014

**Gambar 2.6**  
**Swing Seat Tidak Diganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan, Lintang Permai 3, Gelugor  
Tarikh: 9 Oktober 2014

**Gambar 2.7**  
**Getah Penampang Jongkang-Jongkit Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan, Solok Bukit Jambul 2  
Tarikh: 9 Oktober 2014

**Gambar 2.8**  
**Getah Penampang Jongkang-Jongkit Telah Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan, Solok Bukit Jambul 2  
Tarikh: 29 Januari 2015

- d. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 10 Februari 2015, *Monkey Bar* di Taman Permainan Changkat Minden Jalan 1 tidak dikeluarkan kerana masih berkeadaan baik dan kos pemasangan alat permainan integrasi baru berjumlah RM9,500 dan surat tuntutan semula sebanyak RM500 telah dikeluarkan kepada kontraktor. Manakala pemasangan *Heavy Duty Seesaw With 2 Seater* berserta tapak konkrit di Taman Permainan Lorong Mahsuri 9, Bayan Baru dilaksanakan oleh kontraktor pada 11 Oktober 2014 dan bayaran belum dibuat kepada kontraktor ketika itu. Kelewatan pemasangan dibuat kerana peralatan yang dibekalkan tidak memenuhi *BQ*. Bagi Taman Permainan Lintang Permai 3, Gelugor, Majlis memaklumkan bahawa sebanyak 4 *swing seat* telah diterima, satu telah dipasang ditapak dan tiga set lagi disimpan untuk tujuan penggantian kerana *swing seat* masih berkeadaan baik. Bagaimanapun semua *swing seat* telah dipasang di tapak pada 29 Januari 2015 iaitu selepas lawatan susulan Audit.

#### 2.4.3.2. Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan

- a. Lawatan Audit ke Projek Penyediaan Kemudahan Untuk Orang Kurang Upaya di Pasar Awam Batu Lanchang, Pulau Pinang iaitu kerja-kerja penyediaan kemudahan laluan pejalan kaki dan kerja-kerja menaik taraf tandas awam yang tidak melibatkan struktur asal pasar telah siap dibina pada 20 Februari 2014 dengan kos projek berjumlah RM465,891 mendapati kualiti kerja yang telah dilaksanakan adalah kurang memuaskan. Adalah didapati terdapat retakan di binaan laluan, kerja siling tidak sempurna, binaan tiang tidak kemas dan turapan tar yang tidak rata seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.14**. Bagaimanapun projek ini masih di dalam tempoh kecacatan.

**Gambar 2.9**

Kerja Siling Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tandas Lelaki, Pasar Awam  
Batu Lanchang, Pulau Pinang  
Tarikh: 16 Oktober 2014

**Gambar 2.10**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tandas Orang Kurang Upaya, Pasar  
Awam Batu Lanchang, Pulau Pinang  
Tarikh: 16 Oktober 2014

**Gambar 2.11**  
**Binaan Telah Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Awam Batu Lanchang, Pulau Pinang  
Tarikh: 16 Oktober 2014

**Gambar 2.12**  
**Turapan Simen Tidak Kemas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Awam Batu Lanchang, Pulau Pinang  
Tarikh: 16 Oktober 2014

**Gambar 2.13**  
**Binaan Tiang Tidak Kemas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Awam Batu Lanchang, Pulau Pinang  
Tarikh: 16 Oktober 2014



**Gambar 2.14**  
**Turapan Tar Tidak Rata Dan Kemas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Awam Batu Lanchang, Pulau Pinang  
Tarikh: 16 Oktober 2014



- b. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 10 Februari 2015, siling tandas lelaki bocor akibat keretakan pada lantai tingkat atas ruang legar di mana ini adalah di luar bidang projek. Bagaimanapun kerja-kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor tahunan 2015. Manakala keretakan pada susur tangan dan turapan pada tiang telah diperbaiki oleh kontraktor utama. Majlis juga memaklumkan bahawa turapan tar di bahagian laluan orang kurang upaya telah diperbaiki berkali-kali oleh kontraktor namun turapan tersebut sering rosak akibat aktiviti pemunggahan barang (*loading*) di kawasan tersebut yang sepatutnya digunakan sebagai laluan pejalan kaki bukan kawasan pemunggahan barang. Majlis juga memaklumkan bahawa projek tersebut masih dalam tempoh kecacatan dan dalam tanggungan kontraktor.

Pada pendapat Audit, Majlis perlu memastikan projek yang dilaksanakan adalah berkualiti dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

#### 2.4.4. Projek Siap Tidak Digunakan

**2.4.4.1.** Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.

**2.4.4.2.** Lawatan Audit pada 9 dan 16 Oktober 2014 mendapati pembinaan Gelanggang Futsal Batu Lanchang dan pembinaan tandas berjumlah RM174,190 yang siap dibina pada 23 April 2014 masih belum digunakan walaupun notis tempahan telah dipasang di gelanggang futsal seperti di **Gambar 2.15**.

**Gambar 2.15**  
**Notis Tempahan Telah Dipasang Di Gelanggang Futsal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gelanggang Futsal Batu Lanchang  
Tarikh: 16 Oktober 2014

**2.4.4.3.** Pihak Audit juga mendapati lantai gelanggang berlopak dan ditakung air hujan. Selain itu siling tandas bocor dan kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan seperti di **Gambar 2.16** dan **Gambar 2.17**.

**Gambar 2.16**  
**Lantai Gelanggang Berlopkak Dan Ditakung Air Hujan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gelanggang Futsal Batu Lanchang  
Tarikh: 16 Oktober 2014

**Gambar 2.17**  
**Siling Tandas Bocor**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gelanggang Futsal Batu Lanchang  
Tarikh: 16 Oktober 2014



**2.4.4.4. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 10 Februari 2015, gelanggang futsal lewat digunakan kerana kejadian ribut pada 29 Mei 2014 yang telah merosakkan bumbung stor serta tandas dan pagar di gelanggang tersebut. Bagaimanapun kerja baik pulih telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2014 dan tempahan penggunaan gelanggang telah dimulakan pada 16 Disember 2014.**

Pada pendapat Audit, penggunaan terhadap kemudahan telah siap perlu disegerakan supaya manfaat projek dapat dinikmati oleh golongan sasar.

## 2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam adalah disyorkan Majlis mempertimbangkan perkara berikut:

- 2.5.1.** Memastikan perancangan dan proses perolehan dibuat dengan teratur serta mematuhi peraturan dan syarat perolehan Kerajaan.
- 2.5.2.** Memastikan perolehan yang dibuat dapat dimanfaatkan oleh pengguna dan mencapai objektif yang disasarkan.
- 2.5.3.** Memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi.

---

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

---

### **3. PIHH DEVELOPMENT SDN. BHD.**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** PIHH Development Sdn. Bhd. (PIHH) telah ditubuhkan dan beroperasi pada 11 Ogos 2008 dengan modal dibenarkan dan modal berbayar sejumlah RM1.00 juta. PIHH merupakan anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang ditubuhkan untuk mempromosi dan membangunkan industri halal di Pulau Pinang selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang ingin menggalakkan pertumbuhan industri halal yang semakin berkembang dan mempunyai potensi yang luas di pasaran antarabangsa.

**3.1.2.** PIHH dianggotai oleh 8 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusi oleh YB. EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Pengurusan PIHH pula diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu 10 kakitangan. Visi PIHH adalah untuk meletakkan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan untuk menarik pelaburan dalam industri halal, destinasi pilihan bagi pelancongan berasaskan halal dan persekitaran pilihan untuk gaya hidup berasaskan halal. Manakala misi PIHH pula adalah untuk memacu pembangunan dan promosi Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang. Objektif penubuhan PIHH adalah untuk memperkuatkukuhkan ekonomi dan meningkatkan daya kompetitif negeri Pulau Pinang, memperkuatkukuhkan penjenamaan global Pulau Pinang sebagai hab produk dan perkhidmatan halal berkualiti tinggi serta membantu membangunkan industri tempatan di samping menggalakkan penyertaan syarikat halal ke pasaran global.

**3.1.3.** Bagi memastikan objektif penubuhan Syarikat dapat dicapai, PIHH telah menetapkan aktiviti utama Syarikat iaitu:

- Membangunkan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang.
- Menganjurkan Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang.
- Melaksanakan Projek Gelatin Halal dengan penubuhan syarikat PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd..
- Menyertai pameran dan misi perdagangan di dalam dan luar negara bagi mempromosi inisiatif halal dan membantu syarikat halal di Pulau Pinang memperkembangkan kapasiti di peringkat antarabangsa.
- Mempromosi Sijil Pengesahan Halal (SPH) melalui seminar dan program *outreach* bagi menggalakkan serta membantu syarikat mendapatkan sijil halal.

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan adalah teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Semakan dilakukan terhadap Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965 (Akta 125), minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan PIHH bagi tahun 2012 hingga 2014 termasuk penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) 2015. Analisis kewangan dilaksanakan terhadap penyata kewangan Syarikat bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 untuk menilai prestasi kewangan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai PIHH. Lawatan juga telah dibuat ke PIHEC 2015 dan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) yang terletak di Penang Science Park (PSP), Seberang Perai Tengah. *Exit Conference* bersama Pengerusi PIHH Development Sdn. Bhd. dan Pengurus Kewangan PDC telah diadakan pada 20 April 2015.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2014 dan Mac 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan PIHH dari segi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah di tahap kurang memuaskan dengan kelemahan-kelemahan seperti berikut:

- Pembinaan kilang di TPHPP tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Penganjuran PIHEC mencatatkan penurunan lebihan pendapatan pada tahun 2014 dan seterusnya mencatat defisit pada tahun 2015. Selain itu, terdapat bayaran tajaan dan sewaan ruang pameran yang lewat diterima dan juga masih belum diterima selepas pameran selesai dijalankan.
- Tindakan susulan setelah menyertai pameran dan misi perdagangan ke luar negara kurang memuaskan.
- Projek Gelatin Halal melalui penubuhan PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd. (PHGP) sejak tahun 2011 masih belum dapat dilaksanakan. Manakala perancangan untuk melepaskan pegangan saham PIHH dalam PHGP tidak dapat dibuat.
- Pembayaran diluluskan oleh Pengerusi Syarikat dan bukannya Pengurus Besar dan/atau Timbalan Pengerusi seperti yang ditetapkan oleh *Standard Operating Procedure* (SOP).
- Pendapatan operasi Syarikat adalah daripada penganjuran PIHEC. Pendapatan ini tidak dapat menampung perbelanjaan menyebabkan Syarikat perlu bergantung kepada geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan PDC.

### **3.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **3.4.1.1. Analisis Trend**


- a. Pendapatan operasi PIHH terdiri daripada pendapatan penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) serta sumbangan penyertaan ekspo perdagangan industri halal. PIHH telah memperoleh pendapatan berjumlah RM28,250 pada tahun 2011 dan meningkat kepada RM0.51 juta pada tahun berikutnya. Peningkatan ini disebabkan pertambahan pendapatan penganjuran PIHEC dan sumbangan yuran penyertaan dari syarikat yang menyertai ekspo perdagangan seperti MIHAS, Thaifex, Karnival Pengguna serta Halfest. Bagaimanapun, jumlah tersebut telah menurun kepada RM0.43 juta pada tahun 2013 disebabkan oleh penurunan sumbangan untuk penyertaan ekspo perdagangan. Selain pendapatan operasi, pendapatan lain PIHH adalah geran dari Kerajaan Negeri sejumlah RM0.50 juta dan PDC sejumlah RM0.50 juta setiap tahun mulai tahun 2011.
- b. Perbelanjaan PIHH terdiri daripada perbelanjaan pentadbiran dan operasi. Perbelanjaan utama pentadbiran adalah bayaran emolumen kakitangan. Perbelanjaan pentadbiran menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu dari RM0.34 juta pada tahun 2012 kepada RM0.51 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh bayaran emolumen kakitangan PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd. (PHGP) sejak bulan Julai 2013. PHGP adalah syarikat yang ditubuhkan untuk mengurus Projek Gelatin Halal di mana PIHH merupakan pemegang saham utama. Manakala perbelanjaan operasi merangkumi belanja pengiklanan dan promosi, percetakan dan alat tulis serta perjalanan, pengangkutan dan penginapan. Perbelanjaan operasi meningkat sejumlah RM0.29 juta daripada RM0.64 juta pada tahun 2012 kepada RM0.93 juta pada tahun 2013. Ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan perjalanan, pengangkutan dan penginapan serta pengiklanan dan promosi.
- c. Pada tahun 2011, PIHH telah mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.79 juta. Bagaimanapun pada tahun 2012, PIHH telah mencatat keuntungan berjumlah RM0.53 juta disebabkan geran yang diterima dari Kerajaan Negeri dan PDC berjumlah RM1.00 juta. Di samping itu, peningkatan pendapatan operasi berjumlah RM0.48 juta berbanding tahun sebelumnya juga menyumbang kepada peningkatan keuntungan. Manakala pada tahun 2013 keuntungan menurun kepada RM0.13 juta disebabkan peningkatan jumlah perbelanjaan sejumlah RM0.46 juta atau 46.6%. Aktiviti yang dijalankan oleh PIHH adalah tidak bermotifkan keuntungan dan dengan itu Syarikat bergantung kepada geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan PDC.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/rugi bersih PIHH adalah seperti di **Jadual 3.1**. Trend untung/rugi sebelum cukai dan trend pendapatan serta perbelanjaan PIHH adalah seperti di **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

**Jadual 3.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Butiran	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan Operasi	28,250	507,910	431,648
Pendapatan Lain	122,345	1,000,000	1,142,871
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>150,595</b>	<b>1,507,910</b>	<b>1,574,519</b>
Perbelanjaan Pentadbiran	370,034	339,045	514,744
Perbelanjaan Operasi	571,219	643,290	925,902
Kos Kewangan	1,342	269	238
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>942,595</b>	<b>982,604</b>	<b>1,440,884</b>
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>(792,000)</b>	<b>525,306</b>	<b>133,635</b>
Cukai	-	-	-
<b>Untung/(Rugi) Bersih</b>	<b>(792,000)</b>	<b>525,306</b>	<b>133,635</b>
<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>(1,672,137)</b>	<b>(1,146,831)</b>	<b>(1,013,196)</b>

Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.

**Carta 3.1**  
**Trend Untung/(Rugi) Sebelum Cukai  
Dan Kerugian Terkumpul  
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.

**Carta 3.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan  
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.

### 3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PIHH dengan lebih jelas, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Nisbah Kewangan	Tahun		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.36:1	0.80:1	0.90:1
Margin Untung Bersih	(526.7%)	35.1%	8.3%
Pulangan Atas Aset	(1.72):1	0.54:1	0.10:1
Pulangan Atas Ekuiti	(1.18):1	(3.53):1	(13):1

Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.

#### a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi tahap kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar Nisbah Semasa PIHH adalah antara 0.36:1 dan 0.90:1. Nisbah Semasa telah meningkat dari 0.36:1 pada tahun 2011 kepada 0.80:1 pada tahun 2012 dan 0.90:1 pada tahun 2013 disebabkan oleh peningkatan jumlah aset semasa Syarikat. Kadar Nisbah Semasa berada pada tahap tidak memuaskan walaupun ada peningkatan terhadap jumlah aset semasa. Analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Tahun	Aset Semasa (RM Juta) (a)	Tanggungan Semasa (RM Juta) (b)	Nisbah Semasa (a/b)
2011	0.41	1.13	0.36:1
2012	0.90	1.13	0.80:1
2013	1.21	1.34	0.90:1

Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.

#### b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan bagi setiap ringgit hasil yang dikutip. Peningkatan Margin Untung Bersih menunjukkan peningkatan kecekapan syarikat di mana setiap kenaikan hasil memberi nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2011 Margin Untung Bersih Syarikat adalah -526.7% dan telah meningkat kepada 35.1% pada tahun 2012 disebabkan keuntungan sebelum cukai yang diperoleh. Namun Margin Untung Bersih telah menurun kepada 8.3% pada tahun 2013 disebabkan oleh penurunan keuntungan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Margin Untung Bersih Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Tahun	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Pendapatan (RM Juta) (b)	Margin Untung Bersih (a/b) %
2011	(0.79)	0.15	(526.7)
2012	0.53	1.51	35.1
2013	0.13	1.57	8.3

Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.

#### c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan untuk mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan sebelum cukai yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013, Nisbah Pulangan Atas Aset adalah antara -1.72:1 dan 0.54:1. Nisbah Pulangan Atas Aset meningkat dari -1.72:1 pada tahun 2011 kepada 0.54:1 pada tahun 2012. Pada tahun 2013, kadar tersebut menurun kepada 0.10:1 disebabkan penurunan keuntungan yang diperoleh Syarikat. Kadar nisbah adalah di tahap tidak memuaskan. Analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Nisbah Pulangan Atas Aset Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Tahun	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Aset (RM Juta) (b)	Nisbah Pulangan Atas Aset (a/b)
2011	(0.79)	0.46	(1.72):1
2012	0.53	0.98	0.54:1
2013	0.13	1.33	0.10:1

Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.

#### d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan oleh pemegang saham, iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2011 adalah -1.18:1 dan terus menurun kepada -13:1 pada tahun 2013 berbanding -3.53:1 pada tahun 2012. Ini menunjukkan setiap modal yang dilaburkan tidak mendapat pulangan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Nisbah Pulangan Atas Ekuiti Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) (a)	Jumlah Ekuiti (RM Juta) (b)	Nisbah Pulangan Atas Ekuiti (a/b)
2011	(0.79)	(0.67)	(1.18):1
2012	0.53	(0.15)	(3.53):1
2013	0.13	(0.01)	(13):1

Sumber: Penyata Kewangan PIHH Development Sdn. Bhd.


**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PIHH bagi tahun 2011 hingga 2013 berdasarkan trend pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan adalah kurang memuaskan walaupun aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat adalah tidak bermotifkan keuntungan.**

### **3.4.2. Pengurusan Aktiviti**

PIHH berperanan untuk merancang, mengurus dan membantu dalam mempromosi dan membangunkan inisiatif Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang. Pelaksanaan dan pembangunan PIHH ditumpukan kepada 3 aspek utama iaitu mempertingkatkan penjenamaan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Antarabangsa melalui penyertaan pameran dan misi perdagangan antarabangsa dan tempatan, meningkatkan nilai pelaburan di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) dan meningkatkan bilangan syarikat-syarikat berstatus halal di Pulau Pinang. Antara aktiviti yang dirancang bagi merealisasikan inisiatif tersebut adalah melalui pembangunan TPHPP, penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC), penyertaan pameran dan misi perdagangan ke luar negara dan promosi pensijilan halal. Selain itu, PIHH menjadi penggerak dalam Projek Gelatin Halal melalui penubuhan PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd. (PHGP). Pengauditan yang dijalankan terhadap pelaksanaan aktiviti Syarikat mendapati perkara berikut:

#### **3.4.2.1. Pengurusan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP)**

PIHH telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dan menjayakan pembangunan TPHPP yang pertama di Wilayah Utara bagi perkembangan industri halal yang merupakan satu bidang baru dan berpotensi di peringkat antarabangsa. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri melalui PDC telah memperuntukkan tanah seluas 100.20 ekar di Penang Science Park (PSP), Seberang Perai Tengah untuk dibangunkan meliputi 4 fasa iaitu Fasa A (14.50 ekar), Fasa B (28.70 ekar), Fasa C (16.50 ekar) dan Fasa D (40.50 ekar) seperti di **Gambar 3.1**. TPHPP telah mendapat akreditasi Halal Malaysia (HALMAS) pada tahun 2011 dari Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC). Melalui status HALMAS ini pelabur dapat menikmati insentif yang disediakan oleh HDC seperti pengecualian cukai pendapatan ke atas perbelanjaan modal dan pengecualian duti import. Sehingga kini, 10 pelabur tempatan telah mengesahkan pembelian tanah bagi pembinaan kilang di TPHPP melibatkan 53.97 ekar dengan nilai pelaburan berjumlah RM484.20 juta.



**Gambar 3.1**  
**Kedudukan Fasa di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang**

Sumber: PIHH Development Sdn. Bhd.

Lokasi: Penang Science Park

Tarikh: 5 Disember 2012

#### a. Pembinaan Kilang Tidak Dilaksanakan Dalam Tempoh Yang Ditetapkan

- i. Mengikut Perjanjian Jual Beli (S&P) Klausa 6, dalam tempoh masa 2 tahun dari tarikh pindah milik yang pertama didaftarkan pembeli hendaklah mendirikan bangunan kilang di atas tanah yang diberi milik itu. Terdapat 10 syarikat telah mengesahkan pembelian di TPHPP antara tahun 2010 dan 2012. Daripada jumlah tersebut 9 syarikat telah menandatangani perjanjian S&P dan membuat pembayaran manakala 1 syarikat iaitu PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd. masih belum menandatangani perjanjian. Semakan Audit mendapati daripada 9 syarikat yang telah menandatangani perjanjian S&P hanya 2 syarikat atau 22.2% telah membina bangunan kilang dan memulakan operasi, 2 syarikat atau 22.2% dalam proses pembinaan manakala 5 syarikat atau 55.6% masih belum membuat sebarang pembinaan. Tempoh kelewatian pembinaan sehingga bulan Disember 2014 adalah antara 2 dan 20 bulan dari tarikh perjanjian S&P ditandatangani dengan PDC seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Tempoh Kelewatan Pembinaan Kilang Di TPHPP**

Status	Bilangan Kilang	Tempoh Kelewatan Selepas 2 Tahun (Bulan)
Dalam proses pembinaan	2	6 - 15
Belum membuat pembinaan	5	2 - 20

Sumber: PIHH Development Sdn. Bhd.

- ii. Lawatan Audit pada 2 Mac 2015 ke TPHPP mendapati status pembinaan kilang seperti di **Gambar 3.2** hingga **Gambar 3.5**. Kelewatan ini menyebabkan matlamat PIHH untuk membangunkan TPHPP yang telah dirancang sejak tahun 2009 tidak tercapai sepenuhnya. Pembinaan yang tidak mengikut tempoh yang ditetapkan tidak dapat memberi gambaran wujudnya Taman Perindustrian Halal.

**Gambar 3.2**  
**Kilang Yang Telah Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang,  
Penang Science Park  
Tarikh: 2 Mac 2015

**Gambar 3.3**  
**Kilang Dalam Pembinaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang,  
Penang Science Park  
Tarikh: 2 Mac 2015

**Gambar 3.4**  
**Tanah Perindustri Yang Belum  
Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang,  
Penang Science Park  
Tarikh: 2 Mac 2015

**Gambar 3.5**  
**Tanah Perindustri Yang Belum  
Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang,  
Penang Science Park  
Tarikh: 2 Mac 2015

- b. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk melaksana dan menjayakan pembangunan TPHPP, PIHH terus memantau perkembangan dan status pembinaan kilang melalui mesyuarat TPHPP yang diadakan 4 kali setahun. Walaupun wujud kelewatan, ianya terkawal dengan sebab-sebab yang munasabah seperti berikut:**
- i. **Pelabur menghadapi masalah kewangan kerana terpaksa menguruskan masalah syarikat di Thailand yang terlibat dalam bencana banjir.**
  - ii. **Pelabur dalam proses menjalankan penstrukturkan semula dan sedang mencari rakan kongsi serta dana untuk membangunkan Syarikat.**

- iii. Pelabur mempunyai masalah untuk mendapatkan bekalan tenaga elektrik memandangkan Syarikat perlu membuat penyambungan bekalan elektrik (*Horizontal Direct Drilling*).
- iv. Terdapat pertindihan dalam pelan demarkesyen yang disediakan oleh PDC dan Pelan Akui yang disediakan oleh Jabatan Ukur Dan Pemetaan Pulau Pinang (JUPEM). Perkara ini telah diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 11 Disember 2014 dan sedang diselesaikan.
- v. Pelabur membeli 2 plot tanah untuk pembinaan 2 kilang di TPHPP dan sedang memberi tumpuan kepada operasi pengeluaran kilang pertama.

Pada pendapat Audit, pembangunan TPHPP adalah di tahap kurang memuaskan kerana pembinaan kilang tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian.

#### **3.4.2.2. Penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC)**

PIHEC adalah aktiviti utama dan acara tahunan yang dianjurkan oleh PIHH bermula pada tahun 2010 sebagai satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memartabatkan industri halal tempatan ke persada industri halal global. Objektif PIHEC adalah untuk mewujudkan satu platform bagi usahawan untuk mempromosi serta memasarkan produk dan perkhidmatan halal ke peringkat antarabangsa, menyediakan peluang kepada usahawan untuk memperkasakan perniagaan melalui rangkaian perniagaan (*business networking*) dan memperkenalkan negeri Pulau Pinang sebagai hab halal di peringkat antarabangsa. Penganjuran PIHEC merangkumi aktiviti seperti pameran dan persidangan bagi memberi peluang perniagaan kepada syarikat dan organisasi tempatan serta antarabangsa yang terlibat dalam industri halal. Bagi memastikan penganjuran PIHEC dapat dilaksanakan dengan baik dan berkualiti, PIHH telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang menepati MS 1900:2005 dari perspektif Islam dan sistem pengurusan kualiti ISO 9001:2008. Semakan Audit terhadap penganjuran aktiviti PIHEC bagi tahun 2012 hingga 2015 mendapat perkara berikut:

##### **a. Penurunan Lebihan Pendapatan Yang Dijana Dari Penganjuran PIHEC**

- i. Penganjuran PIHEC merupakan penyumbang utama kepada pendapatan operasi Syarikat melalui terimaan tajaan dan sewaan ruang pameran. Perancangan yang teliti perlu dibuat bagi memastikan peningkatan pendapatan pada setiap tahun dan pada masa yang sama menyumbang kepada peningkatan pendapatan Syarikat. Penganjuran PIHEC bagi tahun 2012 hingga 2015 telah mendapat sambutan dengan peningkatan penyertaan pempamer, bilangan ruang pameran, bilangan penaja dan bilangan pengunjung seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8**  
**Prestasi Penganjuran PIHEC**

Perkara	Tahun			
	2012	2013	2014	2015
Bilangan Penyertaan Pempamer Tempatan	161	109	192	220
Bilangan Penyertaan Pempamer Antarabangsa	5	5	9	5
Jumlah Ruang Pameran	167	170	257	289
Jumlah Penaja	8	5	15	12
Jumlah Pengunjung	30,000	50,000	52,778	62,818

Sumber: PIHH Development Sdn. Bhd.

- ii. Semakan mendapati pada tahun 2012 penganjuran PIHEC mencatatkan lebih pendapatan berjumlah RM123,500 dan meningkat sebanyak 33.2% kepada RM164,516 pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, lebih pendapatan telah menurun sebanyak 42.7% kepada RM94,217 pada tahun 2014 dan mengalami defisit sejumlah RM78,961 pada tahun 2015. Perkara ini berlaku kerana terdapat peningkatan perbelanjaan bagi penganjuran PIHEC 2015 walaupun pendapatan yang diterima meningkat. Semakan lanjut mendapati perbelanjaan berjumlah RM478,201 bagi penganjuran *World Curry Festival* yang diadakan buat pertama kali semasa PIHEC 2015 telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan. Perbelanjaan tersebut meliputi bayaran seperti sewaan ruang pameran, pengiklanan, pengangkutan dan penginapan *chef* serta majlis makan malam. Menurut PIHH, walaupun anggaran belanjawan yang disediakan bagi penganjuran PIHEC 2015 telah menunjukkan defisit namun pelaksanaan *World Curry Festival* diteruskan bagi tujuan penjenamaan dan prospek jangka masa panjang.
  
- iii. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, PIHH juga turut memainkan peranan dalam memberi kesedaran halal dengan menganjurkan program berbentuk keagamaan dan sekaligus menjalankan tanggungjawab sosial korporat kepada rakyat Pulau Pinang seperti Forum Perdana, Program Sembang Ambang dan Konsert Zikir Terapi Diri. Walaupun PIHH berjaya mendapat penajaan sebanyak RM145,500, lebih pendapatan dari penganjuran PIHEC kurang memuaskan pada tahun 2014 dan mengalami penurunan sebanyak 42.7% berikutan pertambahan perbelanjaan yang terpaksa diperuntukkan bagi menjayakan program-program tersebut. Bagi tahun 2015, PIHEC mencatatkan defisit awal berjumlah RM78,961 berikutan penganjuran kali pertama *World Curry Festival* di Pulau Pinang. Festival ini telah dianjurkan selama 5 kali berturut-turut di Bradford yang terkenal sebagai *Curry Capital of United Kingdom*. Pulau Pinang telah berjaya dipilih sebagai destinasi pertama untuk membawa program *World Curry Festival* luar dari United Kingdom. Bagi menjayakan program ini, beberapa perbelanjaan perlu ditanggung oleh PIHH seperti kos pengiklanan, pengangkutan, penginapan *chef* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, PIHEC 2015 telah berjaya menarik jumlah pengunjung tertinggi sejak 5 kali penganjurannya.**

**b. Bayaran Tajaan Dan Sewaan Ruang Pameran Lewat/Belum Diterima**

- i. Bagi menjayakan penganjuran PIHEC, PIHH turut menggalakkan penajaan dari syarikat dan individu yang berminat. Syarikat dan individu yang bersetuju untuk menjadi penaja akan diperuntukkan ruang pameran secara percuma. Mengikut syarat penganjuran PIHEC, penaja perlu menyelesaikan bayaran penajaan sebelum PIHEC bermula. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012 dan 2013 jumlah penajaan yang diterima berjumlah RM100,000 dan RM93,000. Manakala pada tahun 2014 jumlah ini meningkat sebanyak 56.5% kepada RM145,500. Jumlah ini meningkat dengan ketara pada tahun 2015 sebanyak 148.3% kepada RM361,227. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati penajaan PIHEC tahun 2012 hingga 2015 berjumlah RM339,000 lewat diterima oleh PIHH dalam tempoh antara 9 dan 255 hari selepas pameran selesai dijalankan seperti di **Jadual 3.9**. Sementara itu, sehingga tarikh pengauditan penajaan berjumlah RM35,560 dari 2 syarikat bagi penganjuran PIHEC 2015 yang telah diadakan pada 30 Januari 2015 hingga 1 Februari 2015 masih belum diterima oleh PIHH. Perkara ini berlaku kerana kurang pemantauan dan tindakan susulan dari pihak pengurusan menyebabkan PIHH perlu mendahulukan bayaran bagi perbelanjaan penganjuran PIHEC.

**Jadual 3.9**  
**Bayaran Tajaan Lewat Diterima**

Tahun	Bilangan Penaja	Jumlah Tajaan (RM)	Tempoh Kelewatan (Hari)
2012	2	35,000	9 - 81
2013	5	93,000	25 - 88
2014	8	96,000	15 - 255
2015	4	115,000	11 - 66
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>339,000</b>	

Sumber: PIHH Development Sdn. Bhd.

- ii. Bayaran sewaan ruang pameran akan dikenakan kepada penyewa dengan kadar antara RM500 hingga RM3,600 berdasarkan lokasi dan keluasan ruang pameran. Mengikut syarat penganjuran PIHEC, bayaran deposit sebanyak 50% hendaklah dijelaskan semasa pendaftaran dan baki pembayaran perlu dibuat sebelum pameran berlangsung. Pempamer tidak dibenarkan membuat pameran sehingga bayaran penuh bagi sewaan diterima. Bagi penganjuran PIHEC 2015, sebanyak 225 syarikat telah menyertai pameran dan 289 ruang pameran telah disediakan dengan keseluruhan jangkaan terimaan pendapatan berjumlah RM472,143. Semakan Audit mendapati sejumlah RM24,580 sewaan ruang pameran PIHEC 2015 masih belum diterima melibatkan 11 pempamer. Pempamer dibenarkan membuat pameran walaupun masih belum menjelaskan bayaran sewaan.

- iii. Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, usaha untuk mendapat tajaan merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi oleh PIHH dan bukan satu perkara yang mudah. Tindakan susulan telah diambil bagi memastikan bayaran tajaan diterima dengan menghantar surat peringatan. Manakala bagi sewaan ruang pameran, PIHH terpaksa membenarkan pempamer membuat pameran walaupun bayaran sewaan belum dijelaskan kerana melibatkan beberapa perbelanjaan awal seperti pembayaran kepada kontraktor selain kos promosi dan pengiklanan. Di samping itu, PIHH tidak dapat membiarkan ruang pameran kosong kerana ini akan menimbulkan reputasi yang buruk kepada PIHH. Tujuh daripada 11 pempamer yang lewat membuat pembayaran adalah merupakan pempamer tahun sebelumnya yang tidak mempunyai masalah bagi menyelesaikan pembayaran sebelum ini. Surat peringatan terhadap tunggakan bayaran sewaan telah dihantar kepada pempamer. Bagaimanapun, untuk memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi pada masa hadapan, SOP akan diperketatkan dan pelan luar jangka juga disediakan.

Pada pendapat Audit, penganjuran PIHEC adalah di tahap memuaskan walaupun terdapat peningkatan perbelanjaan.

#### **3.4.2.3. Tindakan Susulan Setelah Menyertai Pameran Dan Misi Perdagangan Ke Luar Negara Tidak Dibuat**

- a. Penyertaan PIHH dalam pameran dan misi perdagangan ke luar negara adalah untuk memperkenalkan Pulau Pinang sebagai Hab Halal, memberi pendedahan kepada syarikat tempatan untuk meneroka pasaran antarabangsa dan juga mempromosi penganjuran PIHEC. Melalui pameran perdagangan ini PIHH akan membawa syarikat tempatan yang berpotensi untuk memasarkan produk di peringkat antarabangsa. PIHH perlu mengukur tahap kejayaan syarikat tempatan setelah menyertai pameran ke luar negara dengan membuat penilaian terhadap pencapaian syarikat tersebut di peringkat antarabangsa. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 hingga 2014, PIHH telah menyertai 32 pameran dan misi perdagangan ke luar negara yang melibatkan perbelanjaan pengangkutan, penginapan serta yuran penyertaan bagi kakitangan PIHH berjumlah RM639,917 seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**  
**Jumlah Perbelanjaan Dan Bilangan Pameran/Misi Perdagangan Ke Luar Negara**  
**Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Bilangan Pameran Dan Misi	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Negara Yang Dilawati	Tujuan Lawatan
2012	6	60,875	Thailand, Indonesia, United Arab Emirates Dan Arab Saudi.	
2013	10	251,048	Pakistan, Morocco, Belgium, Jerman, Thailand, Indonesia, United Arab Emirates, Turki	
2014	16	327,994	Pakistan, Belgium, Thailand, Indonesia, United Arab Emirates, Turki, Singapura, Jepun, China, United Kingdom, Filipina	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempromosi PIHEC</li> <li>• Mengadakan mesyuarat perniagaan</li> <li>• Mempromosi produk halal syarikat tempatan</li> <li>• Perbincangan berkaitan Projek Gelatin Halal</li> <li>• Menyertai persidangan</li> <li>• Lawatan kerja</li> <li>• Menandatangani <i>Memorandum Of Understanding (MOU)</i></li> <li>• Mempromosi industri pelancongan berdasarkan halal</li> <li>• Sesi <i>Business Matching</i></li> <li>• Memperkenalkan masakan halal Malaysia</li> </ul>
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>639,917</b>		

Sumber: PIHH Development Sdn. Bhd.

- b. Pihak Audit mendapati perancangan bagi menyertai pameran dan misi perdagangan ke luar negara telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Aktiviti lawatan serta negara yang terlibat hanya dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk makluman setelah pameran dan misi perdagangan selesai. Semakan mendapati bagi tahun 2012 hingga 2014 sebanyak 9 MOU ditandatangani, 66 mesyuarat perniagaan dan 10 lawatan kerja diadakan. Bagaimanapun, tindakan susulan tidak dibuat menyebabkan kemajuan pelaksanaan aktiviti tersebut tidak dilaporkan. Selain itu, PIHH juga tidak membuat tindakan susulan bagi mendapatkan maklum balas pencapaian syarikat setelah menyertai pameran perdagangan.
- c. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, menerusi misi perdagangan ke luar negara PIHH telah mendapat beberapa kejayaan dalam mempromosi industri halal dan memperkuuhkan penjenamaan PIHH di peringkat global, mendapatkan penyertaan dari syarikat-syarikat antarabangsa dalam PIHEC dari tahun 2012 hingga 2014 serta menerima kunjungan balas delegasi luar negara yang berminat untuk meneroka industri halal di Pulau Pinang. Oleh kerana mesyuarat Lembaga Pengarah PIHH diadakan 2 atau 3 kali setahun, maka laporan aktiviti (*milestones*) yang mengandungi tarikh, aktiviti lawatan dan negara yang terlibat dibentangkan setelah pameran dan misi perdagangan selesai. Semua misi perdagangan PIHH ke luar negara dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) untuk pertimbangan dan kelulusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah PIHH pada bulan April 2015 telah bersetuju supaya Kertas Lembaga Pengarah melalui pekeliling yang lengkap dengan kertas kerja dan anggaran perbelanjaan bagi setiap misi**

perdagangan disedia dan diedarkan untuk pertimbangan dan kelulusan berikutan dari kekangan masa serta jadual mesyuarat Lembaga Pengarah yang terhad. Berkuat kuasa mulai bulan April 2015, SOP yang telah disediakan perlu dipatuhi. Di samping itu, bagi mendapatkan maklum balas bagi setiap program atau misi perdagangan, borang maklum balas telah diberi kepada syarikat yang terlibat namun tidak semua syarikat mengisi dan memulangkan kembali borang maklum balas ini. Mulai bulan Mei 2015, PIHH akan memastikan syarikat yang turut serta dalam pameran dan misi perdagangan mengisi serta mengembalikan borang tersebut untuk direkodkan.

Pada pendapat Audit, pencapaian pameran dan misi perdagangan adalah kurang memuaskan kerana tiada tindakan susulan dibuat terhadap kemajuan aktiviti berkenaan.

#### **3.4.2.4. Pelaksanaan Projek Gelatin Halal**

Bagi merealisasikan Projek Gelatin Halal, PIHH telah membeli sebuah syarikat sedia ada (*shelf company*) Kirana Setia Sdn. Bhd. (KSSB) pada bulan Jun 2011. Tujuan utama penubuhan KSSB adalah untuk menjadikan industri gelatin halal sebagai salah satu industri utama di Pulau Pinang memandangkan potensi yang sangat baik terhadap produk ini di peringkat global. Modal dibenarkan dan modal berbayar bagi KSSB adalah RM100,000. Pada peringkat awal, PIHH memegang 10% saham KSSB bersamaan 10,000 unit saham biasa dengan kos pelaburan berjumlah RM10,000. Melalui mesyuarat Lembaga Pengarah PDC pada bulan September 2011, penubuhan KSSB telah diluluskan dan pegangan saham PIHH dalam KSSB dinaikkan dari 10% kepada 50% bersamaan 50,000 unit saham biasa dengan kos pelaburan berjumlah RM50,000. Manakala dua lagi syarikat tempatan masing-masing memegang 30% dan 20% saham. Bagaimanapun, PDC memaklumkan penglibatan PIHH dalam KSSB adalah sebagai penggerak sahaja dan PIHH akan menjual pegangan saham kepada pihak luar yang berminat. KSSB kemudiannya ditukar nama kepada PH Gelatine Pharmz Sdn. Bhd. (PHGP). Bagi menambah dana PHGP untuk melaksanakan Projek Gelatin Halal, PDC telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk meningkatkan saham kepada RM22 juta. Peningkatan saham ini telah diluluskan oleh MOF pada bulan Jun 2014. Dengan peningkatan ini, pegangan saham PIHH akan bertambah kepada 50.1% bersamaan RM11.02 juta secara permodalan tanah PDC dan bukannya secara tunai.

##### **a. Projek Gelatin Halal Masih Belum Dilaksanakan**

- i. Mengikut kajian kemungkinan yang telah dibuat, Projek Gelatin Halal dijangka dapat menjana hasil pada tahun 2015 dengan mengambil kira tempoh jangkaan pembinaan kilang selama 2 tahun. Semakan Audit mendapati walaupun kelulusan untuk meningkatkan saham berbayar PHGP kepada RM22 juta telah diberi oleh MOF pada bulan Jun 2014, namun pelaksanaannya masih tertangguh

kerana pemegang saham yang lain masih belum menyumbang modal berjumlah RM10.98 juta. Pada masa yang sama seorang pemegang saham telah menarik diri secara rasmi dan PHGP perlu mencari pelabur baru. Penangguhan pelaksanaan peningkatan saham berbayar PHGP menyebabkan plot tanah PDC yang akan dipermodalkan sebagai sebahagian saham yang dipegang oleh PIHH dalam PHGP tidak dapat digunakan bagi tujuan mendirikan kilang memproses gelatin. Sehingga tarikh pengauditan, pembinaan kilang tidak dapat diteruskan menyebabkan operasi memproses gelatin halal tidak dapat dilaksanakan. Perkara ini memberi kesan kepada pelaburan PIHH sebagai pemegang saham terbesar dalam PHGP.

- ii. Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, kesukaran mendapatkan pelabur yang berminat untuk melabur dalam Projek Gelatin Halal menyebabkan projek ini masih belum dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha giat dilakukan oleh Pengerusi PIHH untuk mendapatkan pelabur baru. Projek ini akan diteruskan dengan segera apabila pelabur baru telah dikenal pasti. Namun begitu, Pengerusi PIHH masih mengkaji beberapa kemungkinan untuk meneruskan projek ini tanpa kehadiran pelabur baru.**
- b. Perancangan Untuk Melepaskan Pegangan Saham PHGP (*Exit Plan*) Belum Dilaksanakan**
  - i. Mesyuarat Lembaga Pengarah PDC menyatakan penglibatan PIHH dalam Projek Gelatin Halal adalah sebagai penggerak sahaja dan sekiranya terdapat peningkatan dalam modal berbayar pada masa hadapan, maka PIHH tidak akan menambah pelaburan sedia ada sebaliknya akan menjual keseluruhan pegangan sahamnya kepada pihak luar yang berminat. Semakan Audit mendapati PIHH telah mempunyai perancangan untuk melepaskan pegangan sahamnya dalam PHGP (*exit plan*). Melalui salah satu *exit plan* yang dirancang PIHH akan melepaskan pegangan saham jika ada pelabur yang berminat untuk melabur. Namun operasi PHGP belum dapat dilaksanakan kerana sukar mencari pelabur baru yang berminat menyebabkan *exit plan* tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Pelaburan dalam PHGP akan membebankan PIHH dari segi kewangan.**
  - ii. Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, kesukaran mendapatkan pelabur baru yang berminat memaksa PIHH terus kekal memegang saham PHGP sehingga kini. Selain itu, pelabur sedia ada masih belum bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Pemegang Saham yang disediakan oleh PDC menyebabkan pegangan saham tidak dapat dilepaskan.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Projek Gelatin Halal adalah tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, usaha yang dijalankan oleh PIHH bagi meneroka pasaran gelatin halal harus dipuji.

### 3.4.3. Tadbir Urus Korporat

#### 3.4.3.1. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

- a. Mengikut amalan terbaik, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 dan 2013 mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 2 kali, manakala pada tahun 2014 telah diadakan sebanyak 3 kali sahaja.
- b. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, usaha telah dibuat untuk melaksanakan mesyuarat mengikut amalan terbaik tetapi terbatas dengan jadual padat ahli Lembaga Pengarah. Bagi tahun 2014, terdapat peningkatan bilangan mesyuarat dan sasaran tahun 2015 adalah untuk melaksanakan 4 kali mesyuarat yang telah ditetapkan pada bulan April, Jun, September dan Disember.**

#### 3.4.3.2. Pelantikan Pengerusi Syarikat

- a. Menurut Buku Hijau Teras Dasar Dan Garis Panduan, Para 1.1.3. pengasingan peranan yang ketara antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) perlu diwujudkan. Semakan Audit mendapati tidak terdapat pengasingan peranan antara Pengerusi dan Pengurus Besar. Ini kerana Pengerusi Syarikat menjalankan peranan Pengurus Besar dari aspek pengurusan kewangan.
- b. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, Pengerusi dan Lembaga Pengarah PIHH telah sedia maklum berhubung dengan perkara ini. PIHH sedang berusaha untuk mencari seorang Pengurus Besar yang berwibawa untuk mengurus dan memajukan syarikat setaraf dengan syarikat antarabangsa. Semasa ketiadaan Pengurus Besar, pengurusan dan operasi Syarikat diambil alih oleh Pengerusi. Beberapa calon telah dikenal pasti dan pernah ditemui duga, namun terpaksa menolak permohonan berkenaan atas faktor kos yang tinggi.**

#### 3.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Audit Dalam

- a. Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan di peringkat PIHH namun ada ditubuhkan di peringkat Syarikat Induk (PDC). Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam PDC diberi

peranan untuk menjalankan pengauditan bagi semua anak syarikatnya. Sejak PIHH beroperasi Unit Audit Dalam PDC telah menjalankan pengauditan sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 2011 dan 2014. Penemuan Audit telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di peringkat PDC.

- b. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, PDC telah mewujudkan Audit Review Committee (ARC) yang akan memantau dan mengkaji semua laporan kajian oleh Unit Audit Dalam PDC. PDC juga telah melantik Tetuan KPMG untuk mengkaji risiko-risiko yang dihadapi oleh PDC dalam pengurusan dan perlaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang. Laporan penemuan Audit bagi pengauditan pengurusan syarikat terhadap PIHH telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PIHH pada bulan April 2015. Manakala laporan penemuan Unit Audit Dalam PDC akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.**

#### **3.4.3.4. Perancangan Strategik/Indeks Petunjuk Prestasi (KPI)**

Mengikut amalan terbaik, syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang syarikat. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan dimaklumkan kepada Syarikat Induk bagi tujuan pemantauan. Semakan Audit mendapati PIHH menyediakan perancangan strategik dan KPI serta dibentangkan sebagaimana yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat 5 KPI yang tidak dapat dinilai tahap pencapaian kerana tiada sasaran yang ditetapkan.

#### **3.4.3.5. Standard Operating Procedure (SOP)**

- a. SOP merupakan dokumen utama yang menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. SOP perlu disediakan dan dipatuhi bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik, syarikat perlu mempunyai SOP untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati, PIHH hanya mempunyai SOP berkaitan kelulusan pembelian dan pembayaran sahaja. Manakala SOP berkaitan terimaan, pelaburan dan pengurusan aset tidak disediakan. Selain itu, SOP bagi pengurusan aktiviti Syarikat juga tidak disediakan kecuali bagi penganjuran PIHEC.
- b. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, pihak pengurusan telah mengambil tindakan segera menyediakan beberapa SOP dan ianya telah berkuat kuasa serta merta. Tindakan penambahbaikan berterusan akan dilakukan untuk memantapkan pengurusan PIHH.**

### **3.4.3.6. Pembayaran Dividen**

Mengikut amalan terbaik, pembayaran dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012 hingga 2014 tiada pembayaran dividen dilakukan kepada Syarikat Induk. Ini disebabkan PIHH masih mencatat kerugian terkumpul bagi tahun-tahun tersebut.

### **3.4.3.7. Corporate Integrity Pact Dan Integrity Pledge**

- a. Mengikut amalan terbaik, *Corporate Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah dalam urusan perolehan. Manakala Institut Integriti Malaysia menggalakkan *Corporate Integrity Pledge* yang merupakan satu ikrar anti rasuah diadakan. Semakan Audit mendapati PIHH masih belum melaksanakan *Integrity Pact* Dan *Integrity Pledge* dalam urusan perolehannya.
- b. **Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, ikrar anti rasuah untuk semua anak syarikat PDC sedang dalam perancangan dan akan dilaksanakan secepat mungkin oleh Bahagian Komunikasi Korporat PDC. Surat Akuan Pembida dilampirkan bersama-sama dengan jemputan sebut harga/tender untuk diisi dan dikembalikan oleh pembida dilaksanakan berkuat kuasa dengan serta merta.**

### **3.4.3.8. Pengurusan Kewangan**

- a. Berdasarkan SOP Syarikat, setiap pembayaran perlu diluluskan oleh Pengurus Besar dan/atau Timbalan Pengerusi. Semakan Audit terhadap 176 daripada 1,131 baucar bayaran bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati 155 pembayaran berjumlah RM2.37 juta telah diluluskan oleh Pengerusi Syarikat dan bukannya Pengurus Besar dan/atau Timbalan Pengerusi seperti yang ditetapkan oleh SOP. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.11**. Ini kerana Ketua Pembangunan Usahawan yang memangku jawatan Pengurus Besar tidak diberi kuasa untuk menguruskan hal berkaitan pengurusan kewangan. Peranan ini dilaksanakan oleh Pengerusi Syarikat.

**Jadual 3.11  
Baucar Bayaran Yang Diluluskan Oleh Pengerusi Syarikat**

Tahun	Bilangan Baucar Bayaran	Jumlah (RM)
2012	50	475,509
2013	46	1,158,422
2014	59	735,349
<b>Jumlah</b>	<b>155</b>	<b>2,369,280</b>

Sumber: PIHH Development Sdn. Bhd.

- b. Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, sejak penubuhan PIHH pada tahun 2009 sehingga 10 Jun 2010, jawatan Pengerusi dipegang oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Setelah Pengerusi meletak jawatan, Timbalan Pengerusi pada ketika itu telah diberi tanggungjawab untuk menggalas jawatan sebagai Pengerusi Syarikat dan tiada lantikan dibuat bagi jawatan Timbalan Pengerusi. Oleh yang demikian, segala pembayaran diluluskan oleh Pengerusi dan bukannya Timbalan Pengerusi. Perkara ini akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2015.

#### 3.4.3.9. Pengurusan Aset Dan Inventori

- a. Mengikut amalan terbaik syarikat, aset dan inventori hendaklah didaftarkan dan pemeriksaan fizikal aset secara berkala perlu dibuat bagi memastikan keadaan aset masih baik, boleh digunakan atau perlu dilupuskan. Semakan Audit mendapati PIHH ada menyediakan daftar untuk 48 aset Syarikat berjumlah RM84,670 namun pemeriksaan fizikal secara berkala tidak dilakukan.
- b. Berdasarkan maklum balas PIHH bertarikh 23 April 2015, pemeriksaan fizikal aset bagi tahun 2015 telah dijadualkan pada bulan Jun 2015.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Tadbir Urus Korporat PIHH adalah di tahap kurang memuaskan.

### 3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan PIHH Development Sdn. Bhd. (PIHH) dapat dipertingkatkan adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

**3.5.1.** Mempertingkatkan mekanisme kawalan dalaman dengan menambah baik *Standard Operating Procedure (SOP)* Syarikat berkaitan pengurusan kewangan dan mewujudkan SOP yang lengkap bagi pengurusan aktiviti Syarikat.

**3.5.2.** Memastikan perancangan teliti dibuat daripada aspek perbelanjaan penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) agar dapat menjana pendapatan kepada Syarikat.

**3.5.3.** Memastikan tindakan susulan dibuat setelah menyertai pameran dan misi perdagangan ke luar negara supaya kejayaan misi dapat diukur dan memberi pulangan kepada Syarikat.



---

# PENUTUP

---



---

## PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**  
**6 Mei 2015**